

PERKEMBANGAN INSTITUSI ADAT LINGKUNGAN
SRI MENANTI DAN PERANANYA DALAM MASYARAKAT

PERKEMBANGAN INSTITUSI ADAT LINGKUNGAN
SRI MENANTI DAN PERANANNYA DALAM MASYARAKAT

OLEH

NOOR HAYATI BTE HAJI IBRAHIM

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-
SYARAT IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH.

"KESELURUHAN LATIHAN ILMIAH INI DITULIS DENGAN
PERKATAAN SAYA SENDIRI, MELAINKAN NUKILAN-
NUKILAN YANG MANA TELAH SAYA AKUI TIAP-TIAP
SATUNYA".

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI, SELANGOR

1986/1987

Sekalung kasih ku abadikan buat

 "abah yang sentiasa sabar mendoakan

 emak yang sentiasa berkorban

 kakak-kakak yang tenang menanti penuh harapan

 abang-abang yang tak sunyi memberi dorongan

 satu-satunya adikku yang turut berjuang..."

Setiap pengorbanan kalian

emas permata tidak ternilaikan

segalanya kepada Allah ku serahkan.

SINOPSIS

Sebagaimana yang dapat dilihat pada tajuk tesis ini, tumpuan kajian adalah berhubung dengan perkembangan institusi Adat Lingkungan yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti. Sejarah awal pembentukan institusi adat akan diperbincangkan supaya dapat menggambarkan titik tolak perkembangan adat ini selanjutnya. Kajian ini menjangkau dari pembentukan Adat Perpatih dan Adat Temenggung di Minangkabau membawa kepada pembentukan institusi Adat Lingkungan di Seri Menanti.

Bab I menjelaskan tentang sejarah Seri Menanti sebagai latarbelakang pengenalan kepada pembaca. Sebagai pengenalan disentuh juga mengenai kedudukan geografi Seri Menanti serta struktur dan sistem sosial masyarakatnya.

Bab 2 akan menghuraikan sejarah salasilah keturunan raja-raja Negeri Sembilan dan asal usul golongan pemimpin adat. Perlantikan golongan pemimpin adat khususnya Buapak dan Lembaga juga akan disentuh termasuklah cara-cara dan syarat-syarat perlantikan, keistimewaan-keistimewaan yang diperolehi serta kedudukan dan peraturan mereka.

Bab 3 menghuraikan tentang tugas dan peranan pemimpin adat dalam dua situasi. Situasi pertama ialah peranan mereka dalam masyarakat Adat Lingkungan

itu sendiri dengan tumpuan kepada peranan dalam perlantikan ketua adat, pembahagian harta dan persemendaan. Situasi kedua ialah peranan mereka berhubung dengan adat istiadat di Istana seperti adat peminangan, perkahwinan dan yang berkaitan dengannya.

Bab 4 adalah analisa berkenaan dengan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan tradisi elit ini dalam pembangunan masyarakat Seri Menanti. Perubahan-perubahan dan pembangunan sedikit sebanyak telah merubah nilai dan sikap masyarakat Adat Lingkungan dan secara tidak langsung menggugat pengaruh golongan pemimpin adat ini.

Penulis sangatlah merasa terhutang budi dan menjunjung tinggi bimbingan Drs. Abdul Murat Mat Jan selaku penyelia yang amat sabar dan teliti. Beliau telah memberikan kerjasama dan tunjuk ajar penuh kepada penulis sepanjang kajian ini dijalankan serta telah memberikan ulasan yang terperinci dalam setiap draf tesis yang diserahkan kepada beliau untuk disemak. Bagi penulis beliau dianggap sebagai penyelia par excellence yang harus dibanggakan. Dengan ini penulis ingin mengatitkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga terhadap beliau sebagai penyelia dalam penyelidikan ini.

Penulis tidak lupa pula mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pejabat Tanah Daerah Kuala Pilah dan Pejabat Ukur Seremban yang telah memberikan pertolongan untuk mendapatkan bahan kajian. Ucapan yang sama turut dihulurkan kepada pihak Arkib Negara dan kepada semua perpustakaan yang telah digunakan.

Penulis juga terhutang budi kepada Yang Amat Mulia Tunku Alang Astor bin Tunku Sharif iaitu Penyelia Adat yang sudi meluangkan masa untuk berbincang serta memberikan pandangan yang berguna dalam penulisan ini. Seterusnya ingin saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Datuk Penghulu Dagang, Datuk Besar Meon,

Tuan Haji Mohd. Nor, Datuk Panglima Jaya Hassan dan kepada semua yang terlibat menjayakan kajian ini.

Akhir sekali penulis berterima kasih kepada emak, abah, serta keluarga seluruhnya yang telah memberi dorongan dan inspirasi untuk menyiapkan tesis ini.

Oleh yang demikian penulis merasakan bahawa penulisan ini sedikit sebanyak merupakan hasil kerjasama yang telah dicurahkan oleh mereka yang disebutkan dan jasa baik mereka tetap tidak akan dilupakan.

Noor Hayati Haji Ibrahim
Jabatan Sejarah
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi.
1986/1987

**KG. BUYAU
71550 SERI MENANTI
NEGERI SEMBILAN.**

KEPENDEKAN

Bil	:	Bilangan
DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
DYMM	:	Duli Yang Maha Mulia
FMS	:	Federal Malay States
h.	:	Halaman
Jil.	:	Jilid
JMBRAS	:	Journal of Malayan/Malaysian Branch, Royal Asiatic Society
JSBRAS	:	Journal of the Straits Branch, Royal Asiatic Society
K/K	:	Kertas Kerja
Ltd.	:	Limited
MSRI	:	Malaysia Sociological Research Institute
p/pp	:	page
PMS	:	Papers on Malay Subject
Pt.	:	Part
Vol.	:	Volume
YAM	:	Yang Amat Mulia
YM	:	Yang Mulia
YMM	:	Yang Maha Mulia

<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
Sinopsis	i - ii
Prakata	iii - iv
Kependekan	v
Kandungan	vi - vii
Senarai Jadual/Rajah	vii
Senarai Peta	ix
Senarai Gambar	x
Pendahuluan	1
BAB 1 PENGENALAN	6
A. Kedudukan Geografi Seri Menanti	10
B. Sejarah Pembukaan Seri Menanti	13
C. Sistem Sosial Seri Menanti	32
D. Latarbelakang Pembentukan Institusi Adat	47
E. Ciri-ciri Khas Adat Lingkungan	67
BAB 2 SALASILAH KETURUNAN GOLONGAN PEMERINTAH DAN PEMIMPIN ADAT LINGKUNGAN	73
A. Salasilah Keturunan Raja-raja Negeri Sembilan	75
B. Kedudukan Yamtuan	84
C. Sejarah Perlantikan Pembesar Adat Lingkungan	86
D. Struktur dan Kedudukan Pembesar Adat Lingkungan	94
E. Peraturan Pembesar Adat Lingkungan	108

<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
BAB 3 TUGAS DAN PERANAN PEMIMPIN ADAT DALAM MASYARAKAT ADAT LINGKUNGAN DAN ADAT ISTIADAT ISTANA	115
A. Peranan Pemimpin Adat Dalam Masyarakat Adat Lingkungan	119
B. Peranan Pemimpin Adat Dalam Adat Istiadat Istana	142
BAB 4 PERKEMBANGAN PENGARUH DAN PERANAN ELIT TRADISI DALAM CABARAN PEMBANGUNAN	161
BAB 5 PENILAIAN DAN KESIMPULAN	179
Bibliografi	196
Senarai Responden	199
Lampiran/Appendix	204

<u>SENARAI JADUAL/RAJAH</u>	<u>HALAMAN</u>
Rajah 1 - Teori Hirarki Keinginan Maslow	50
Rajah 2 - Proses Kewujudan Hukum Adat	54
Rajah 3 - Salasilah Raja-Raja Negeri Sembilan	83
Rajah 4 - Struktur Pemerintahan N. Sembilan	103
Rajah 5 - Struktur Pegawai-Pegawai Istana	104
Rajah 6 - Struktur Pembesar Adat Lingkungan	105
Jadual 1 - Senarai - Pembesar Suku-Suku Adat Lingkungan	106

SENARAI PETAHALAMAN

Peta 1 - Peta Negeri Sembilan	219
Peta 2 - Peta Mukim Sri Menanti	220
Peta 3 - Luak Tanah Mengandung	221

SENARAI GAMBARHALAMAN

Gambar 1 - Panca Persada	153
Gambar 2 - Orang Empat Istana	222

PENDAHULUAN

Pengkajian ini adalah bertujuan untuk mengungkapkan kembali perkembangan institusi Adat Lingkungan disekitar perkarangan Istana Seri Menanti serta menganalisa peranan golongan pemimpinnya dalam masyarakat. Mungkin ramai yang masih tidak mengetahui tentang kewujudan Adat Lingkungan dalam suasana masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Perlu ditegaskan bahawa adat yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti ini dinamakan Adat Lingkungan yang terdapat sedikit sebanyak perbezaannya dengan Adat Perpatih kerana mereka mengamalkan Adat Temenggung dalam beberapa aspek kehidupannya. Tambahan pula Adat Lingkungan ini hanya tertumpu dalam lingkungan atau kawasan Seri Menanti sejak awal kewujudannya.

Pada pandangan penulis penggunaan perkataan 'Adat Lingkungan' bermaksud hanya suku-suku dalam lingkungan tertentu sahaja yang mengamalkan adat tersebut. Suku-suku ini dikenali sebagai Lingkungan Air Kaki yang dari segi sejarahnya mempunyai hubungan kekerabatan dengan Yamtuan Negeri Sembilan. Seri Menanti juga dikenali sebagai Tanah Lingkungan atau Tanah Mengandung di mana Yamtuan berkuasa penuh ke atasnya.

Adalah merupakan satu perkara yang menarik bagi penulis untuk menumpukan perhatian dalam menganalisa

secara terperinci mengenai institusi Adat Lingkungan di tengah-tengah Adat Perpatih kerana setakat ini tidak ada kajian atau penulisan yang dibuat secara khusus dan mendalam tentang institusi adat tersebut. Dalam kajian ini penulis cuba memperlihatkan tentang latarbelakang pembentukan institusi adat, struktur dan kedudukan pemimpin-pemimpin adat, tugas serta peranan dan cabaran-cabaran yang dihadapi.

Memang terdapat beberapa kajian yang telah dibuat oleh para sejarawan sama ada sejarawan tempatan mahupun sejarawan asing mengenai sejarah Negeri Sembilan. Antara lain kajian Datuk Abdul Samad Idris, Dr. Nordin Selat, Taha Abdul Kadir, R.J. Wilkinson, M.B. Hooker, Josselin de Jong dan lain-lain lagi, yang melihat dari pelbagai aspek seperti sosio-politik, ekonomi, budaya serta menyentuh soal adat yang menjadi amalan masyarakat Negeri Sembilan. Akan tetapi belum terdapat penelitian khusus tentang institusi Adat Lingkungan di Seri Menanti.

Apabila menyebut tentang adat di Negeri Sembilan maka akan tergambar di dalam pemikiran seseorang tentang Adat Perpatih yang telah diamalkan turun temurun yang telah di bawa oleh penghijrah-penghijrah awal dari Minangkabau beberapa kurun yung lalu. Walau bagaimanapun dalam pengkajian ini penulis tidak membincangkan dengan panjang lebar tentang Adat Perpatih

ini memandangkan tinjauan serta penyelidikan tentang adat tersebut telah banyak dilakukan oleh para peneliti dan sejarawan. Namun begitu beberapa aspek dalam Adat Perpatih akan dikemukakan untuk memperlihatkan perbezaannya dengan Adat Lingkungan yang menjadi fokus kajian penulis.

Adat Lingkungan ini hanya diamalkan oleh beberapa suku di kampung-kampung yang terletak di sekitar perkarangan Istana Seri Menanti. Suku-suku tersebut ialah Suku Batu Hampar, Suku Tanah Datar, Suku Seri Lemak Pahang, Suku Seri Lemak Minangkabau dan Suku Tiga Batu. Kelima-lima suku tersebut dikenali sebagai Lingkungan Air Kaki Yamtuan yang diletakkan di bawah pentadbiran Lembaga masing-masing.

Seri Menanti sebagaimana yang diketahui umum adalah merupakan pekan di raja Negeri Sembilan dan di sinilah bersemayamnya DYMM sejak mula kawasan ini diletakkan di bawah pentadbiran Yamtuan pertama iaitu Raja Melewar. Tetapi satu keunikan yang mungkin menjadi persoalan ialah tentang adat yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti iaitu Adat Lingkungan sedangkan masyarakat di sekelilingnya mengamalkan Adat Perpatih. Oleh yang demikian mengingatkan penulis kepada pandangan Profesor Khoo Kay Kim yang menyatakan, "... apa yang berlaku di peringkat kebangsaan memang merupakan sesuatu yang penting untuk dikaji ... tetapi di samping itu apa

yang berlaku di sesuatu tempat yang lebih kecil tidak boleh juga diketepikan kerana masyarakat memang terdiri daripada beberapa bahagian yang tiap-tiap satunya memperlihatkan sifat-sifat yang agak tersendiri".

Seterusnya dari segi metodologi penulis menggunakan bahan-bahan rujukan dari perpustakaan dan fail-fail rasmi Arkib Negara. Penulis juga menjalankan kaedah temuduga atau temubual dengan pembesar-pembesar Istana khususnya Orang Empat Istana yang berperanan sebagai ketua atau Lembaga Adat Lingkungan. Temubual juga dilakukan ke atas pembesar-pembesar adat yang lain serta beberapa penduduk Seri Menanti yang arif mengenai soal Adat Lingkungan ini.

Di samping itu penulis juga mendapatkan maklumat melalui pengamatan dan pengalaman secara langsung semasa bergaul dengan masyarakat di tempat kajian. Bagi adat istiadat Istana selain dari mendapat maklumat melalui temubual dengan para pembesar Istana, penulis juga telah mendapat kesempatan menyaksikan sendiri beberapa istiadat khususnya istiadat bersanding dan bersiram semasa perkahwinan Putera DYMM iaitu Yang Amat Mulia Tunku Muda Serting pada 19 dan 21hb. Februari 1987. Dengan pengalaman ini penulis dapat melihat dengan lebih jelas beberapa peraturan adat istiadat di raja untuk dijadikan sebagai dasar penulisan.

Selanjutnya, dalam bidang penulisan dan kajian

memang seringkali bertemu dengan masalah yang sukar dielakkan. Dalam penulisan ini penulis mendapati kurangnya sumber-sumber atau dokumen yang mengemukakan tentang institusi Adat Lingkungan ini dengan jelas dan nyata. Kebanyakan penulis yang terdahulu seperti Wilkinson dan Hooker misalnya hanya menyentuh secara sambil lalu sahaja mengenai masyarakat Adat Lingkungan Seri Menanti dalam penulisan mereka tanpa mengupas secara terperinci tentang adat ini. Bagi penduduk-penduduk Seri Menanti sendiri ada di antara mereka yang kurang arif tentang adat mereka sendiri lantaran perubahan-perubahan yang dialaminya. Haruslah juga diketahui bahawa adat merupakan satu aspek yang sensitif untuk diperbincangkan. Justeru itu untuk membicarakan tentang adat khususnya Adat Lingkungan yang merupakan campuran Adat Perpatih dan Adat Raja (Adat Temenggung) haruslah dilakukan dengan teliti dan berhati-hati. Tambahan pula adat bukanlah sesuatu yang tersurat seperti perlembagaan negara tetapi ia tersirat dalam jiwa penganutnya yang dicerminkan melalui kata-kata perbilangan adat itu sendiri.

Akhirnya adalah menjadi harapan penulis agar kajian tentang institusi Adat Lingkungan ini akan diteruskan oleh para pengkaji sejarah pada masa-masa yang akan datang. Sekiranya terdapat beberapa kelemahan dalam penulisan ini adalah disebabkan oleh kekurangan penulis sendiri yang perlu diperbaiki.

BAB 1

PENGENALAN

Apabila berbicara tentang adat bermakna kita meninjau kembali corak kehidupan masyarakat tradisi, yang mana masih teguh mengamalkan adat ini dalam kehidupan mereka. Lazimnya adat yang menjadi pengangan sesebuah masyarakat itu telah wujud sejak lama dan diperturunkan serta diamalkan dari satu generasi ke satu generasi.

Secara ringkas adat bermakna peraturan dan kebiasaan yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Peraturan ini termasuklah hukuman yang diwujudkan melalui sistem-sistem yang terdapat di dalam masyarakat yang disesuaikan ^{dengan} kehendak hidup bersuku-suku serta prinsip budi dan muafakat. Ia bertujuan membendung segala perlakuan dan tindak tanduk serta memupuk nilai-nilai kemanusiaan anggota masyarakatnya. Aturan adat memperlihatkan seseorang individu di samping tertakluk kepada hukum alam haruslah juga hidup secara bersama-sama, bantu membantu dan bukan menyendiri. Setiap individu punya kewajiban masing-masing bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan setiap anggota atau anak buah dan tidaklah biar membiarkan, seperti kata perbilangan adat:

'kok hanyut dipintasi,
lulus diselami,
hilang dicari'.

Adat juga bukanlah suatu sistem yang beku, sebaliknya bersifat dinamik bergerak di atas landasan-landasan tertentu berdasarkan prinsip-prinsip yang dapat diterima oleh masyarakat amnya. Unsur-unsur yang terkandung di dalam adat boleh berubah atau diubahsuai mengikut peredaran masa dan keadaan melalui muafakat, sebagaimana menurut perbilangan adat;

muafakat lalu di tempat gelap
adat lalu di tempat terang
hilang adat kerana muafakat

usang-usang diperbaharui
lapuk-lapuk dikajangi
yang elok dipakai
yang buruk dibuang

kok panjang minta di kerat
kok pendek minta disambung
kok koyak minta ditampal

Ternyata bahawa aturan di dalam kehidupan sehari-hari masyarakat adat ini dari segi teorinya amatlah ideal dan sempurna, menurut kehendak setiap anggota masyarakatnya secara muafakat.

Selanjutnya kita harus memahami hakikat adat itu sendiri baik dalam tafsirnya mahupun dalam bentuk dan keadaannya. Adat sebenarnya merangkumi empat bahagian iaitu:

Adat yang sebenarnya adat
Adat yang diadatkan

Adat yang teradat
Adat Istiadat

'Adat yang sebenarnya adat' merupakan suatu aturan masyarakat yang paling awal wujud dengan berasaskan kenyataan alam. Dari kenyataan alam itu telah memberi pengalaman dan pengajaran kepada manusia untuk membentuk perlakuan dan jiwanya dalam memenuhi keperluan hidup hari-hari hingga menjadi satu kelaziman.

Setelah datang pengaruh Islam, 'Adat yang sebenarnya adat' itu mengalami penyesuaian di mana ia seharusnya menurut garis-garis asas ajaran Islam serta juga merangkumi sifat-sifat kemanusiaan, keadilan dan kesusilaan hidup, sebagaimana kata perbilangan adat:

Adat bersendi hukum
Hukum bersendi kitabullah
Kuat adat tak gaduhkan hukum
kuat hukum tak gaduhkan adat
Ikut hukum, muafakat
Ikut adat, muafakat.

Sementara itu 'Adat yang diadatkan' merupakan peraturan-peraturan yang berasaskan pengalaman-pengalaman yang diperolehi dari 'Adat yang sebenar adat' tadi, tetapi telah dilukiskan dalam bentuk perbilangan atau 'kata pusaka'. Tegasnya perbilangan ini adalah satu bentuk undang-undang yang tidak dikanunkan dan ia diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi dengan dibuat penyesuaian mengikut keadaan semasa. 'Adat yang diadatkan' ini berfungsi sebagai karektor dan ia dapat

ditafsirkan sebagai 'Adat air membasahi, adat api membakar'.

Manakala 'Adat yang teradat' pula merupakan suatu aturan yang sengaja diadakan oleh ketua-ketua daerah atau luak (sama ada oleh Undang atau Penghulu) sebagai perancangan untuk melaksanakan 'Adat yang diadatkan' itu. Tujuan mereka adalah untuk membimbing masyarakat di luak masing-masing dengan memastikan bahawa aturan-aturan itu tidak terkeluar dari kehendak-kehendak 'Adat yang diadatkan' tadi.

'Adat Istiadat' pula memperlihatkan satu pola perlakuan anggota masyarakat di dalam sesuatu luak atau nagari. Ia lebih merupakan kebiasaan atau kelaziman yang digemari dan diiktiraf oleh masyarakat. Umpamanya dalam majlis perkahwinan diadakan istiadat persandingan, istiadat menepung tawar, istiadat bersiram dan sebagainya.

Gambaran tentang bentuk-bentuk adat yang terdapat dalam masyarakat Seri Menanti dan Negeri Sembilan pada umumnya tidak akan dapat difahami jika tidak dikaitkan dengan dasar pokok dan adat itu sendiri yang mana mungkin selama ini terdapat kekeliruan dalam memahaminya.

Selanjutnya dalam bab pertama ini penulis akan menganalisa sejarah adat Negeri Sembilan dan khususnya

di Seri Menanti yang dikatakan berasal dari daerah Minangkabau. Dari segi sejarah menunjukkan bahawa Negeri Sembilan mempunyai hubungan yang rapat dengan daerah Minangkabau baik segi adatnya mahupun segi struktur masyarakatnya. Walau bagaimanapun tidak dinafikan terdapat perbezaannya dalam beberapa aspek, namun apa yang dibawa oleh nenek moyang mereka dari Minangkabau dahulu menjadi asas bagi pembentukan institusi adat di Negeri Sembilan yang kemudiannya diubahsuai mengikut iklim masyarakat setempat. Malahan amalan dan perlaksanaan adat dalam masyarakat Negeri Sembilan sendiri adalah berbeza-beza mengikut luak masing-masing. Hal ini pernah ditegaskan oleh Abdul Ghani Shahmaruddin dalam artikelnya berjudul 'Lain Padang Lain Belalang, Lain Lubok Lain Ikan'¹. Justeru itu tidak hairanlah jika masyarakat Seri Menanti juga mengamalkan adatnya yang tersendiri iaitu dikenali sebagai Adat Lingkungan yang berbeza dari masyarakat sekitarnya.

A. Kedudukan Geografi Seri Menanti

Seri Menanti merupakan sebuah mukim yang

¹ Abdul Ghani Shahmaruddin, "Lain Padang Lain Belalang, Lain Lubok Lain Ikan, "Dewan Masyarakat, Jil.11, bil. 3 (Mac. 1964).

terletak dalam daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.² Keluasan mukim Seri Menanti ialah 30 batu persegi bersamaan dengan 19,200 ekar daripada jumlah keseluruhan luas Negeri Sembilan.³ Dalam konteks kajian, penulis menumpukan perhatian kepada masyarakat Seri Menanti di sekitar Istana Duli Yang Maha Mulia Yang di Pertuan Besar dan meliputi pekan kecil Seri Menanti yang mengamalkan Adat Lingkungan.

Pekan kecil Seri Menanti terletak kira-kira 40 kilometer dari bandar Seremban (ibukota Negeri Sembilan) dan 14 kilometer dari Kuala Pilah. Pekan ini bukan sahaja dikenali oleh orang-orang di Malaysia sebagai Pekan Diraja tempat bersemayam Duli Yang Maha Mulia Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan, malahan juga terkenal di kalangan orang-orang Minangkabau di Sumatera Barat.

Pekan kecil ini boleh dikatakan terletak jauh ke hulu negeri, namun kebanyakan pelawat-pelawat asing menyifatkan Seri Menanti sebagai tempat yang baik kerana mempunyai pemandangan yang menarik dan mempesonakan. Kebanyakan para pelawat tertarik dengan kedudukan Seri Menanti yang terletak di suatu lembah yang dikelilingi

² Daerah Kuala Pilah terdiri dari 11 mukim. Keluasan daerah Kuala Pilah 421 batu persegi (1090.39 km. per.). Sumber Jabatan Ukur Seremban Negeri Sembilan.

³ Luas Negeri Sembilan ialah 2 565 batu persegi bersamaan 1 641 600 ekar (6643.33 km. per.). Sumber Jabatan Ukur Seremban Negeri Sembilan.

kecilan untuk menampung kehidupan keluarga masing-masing.

Satu kesan peninggalan yang menjadi pusaka rakyat Negeri Sembilan khususnya Seri Menanti sekarang ini ialah dengan kekalnya bangunan Istana Lama Seri Menanti yang telah pun berusia hampir 80 tahun. Bangunan tersebut merupakan sebuah senibina yang unik yang menjadi lambang kemegahan masyarakat Seri Menanti dan tidak ketinggalan menjadi tumpuan pengunjung-pengunjung yang datang ke pekan kecil ini. Dengan adanya bangunan ini, bukan sahaja dapat menjadi kenangan tetapi juga memperlihatkan sejarah pembangunan dan adat dalam masyarakat di Seri Menanti.

B. Sejarah Pembukaan Seri Menanti

Sebelum membicarakan mengenai sejarah pembukaan Seri Menanti, terlebih dahulu penulis akan menghuraikan sejarah Negeri Sembilan secara umum untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang latar belakang Negeri Adat ini.

Penduduk asal Negeri Sembilan ialah orang Jakun⁶ yang disebut juga sebagai orang Biduanda, tetapi orang Melayu Negeri Sembilan memanggil mereka orang bukit atau

⁶ Perkataan Jakun berasal dari perkataan Vietnam iaitu Djah-kun yang beerti orang lelaki.

Sakai. Orang Jakun ini merupakan suatu suku bangsa yang paling awal berada di rantau ini dan menurut sejarah sekurang-kurangnya 2,500 tahun yang lalu.⁷ Mereka ini juga sama sebagaimana dengan sukubangsa Semang di Kedah; sukubangsa Sakai di sebelah Perak; dan sukubangsa Pangan di bahagian Pahang dan Kelantan. Orang-orang Jakun ini hidup dengan memburu binatang hutan dan mengumpul hasil-hasil hutan seperti buah-buahan. Ada juga antara mereka yang bercucuk tanam untuk makanan dan berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat lain.⁸

Sebelum negeri ini bernama Negeri Sembilan dan Seri Menanti belum bernama 'Seri Menanti', Negeri Sembilan ketika itu adalah sebuah daerah atau juga disebut Luhak (Luak) dari Negeri Johor. Luhak atau Luak ialah unit kawasan dan bukannya unit geneologi. Pada masa itu terdapat beberapa buah luak yang diperintah oleh Penghulu-penghulu luaknya yang dibantu oleh Datuk-datuk Lembaga dan Buapak-Buapak. Penghulu-penghulu ini mendapat mandat ataupun kuasa pengesahan daripada Sultan Johor sendiri untuk memerintah daerah atau luak masing-masing.

⁷ M. Rasjid Manggis, Hubungan Sejarah Negeri Sembilan., h.1.

⁸ Buyong Adil, Sejarah Negeri Sembilan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: 1981, h.3.

Nama Negeri Sembilan timbul dari 'gabungan' sembilan buah luak atau kawasan yang terdiri dari Naning, Rembau, Sungai Ujong, Jelevu, Inas, Kelang, Pasir Besar, Segamat dan Jelai, yang secara non-confederated bernaung dan diiktiraf oleh Sultan Johor.⁹ Sebenarnya pendapat tentang bilangan luak di Negeri Sembilan adalah berbeza mengikut tanggapan masing-masing penulis. Kalau menurut Dr. Nordin Selat, Negeri Sembilan terdiri dari 14 luak iaitu Seri Menanti, Tampin, Sungai Ujong, Jelevu, Johol, Rembau, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Inas, Gemencheh, Ayer kuning dan Linggi.¹⁰

Tegasnya komposisi Negeri Sembilan berubah-ubah mengikut detik sejarah. Misalnya Kelang (Selangor), Segamat (Johor) dan Naning (Melaka) pernah termasuk dalam Negeri Sembilan. Newbol berpendapat luak-luak asli Negeri Sembilan terdiri dari Segamat, Johol,

⁹ Taha Abd. Kadir, "Masyarakat Adat Perpatih Kontemporari di N. Sembilan dalam Menghadapi Perubahan Sosio-ekonomi", Seminar Internasional Mengenai Kesusasteraan Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau, (Bukit Tinggi: 1980), h.4.

¹⁰ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Publications Distributors, K. Lumpur, 1982, h. 55.

Naning, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Kelang, Ulu Pahang dan Jelai.¹¹ Martin Lister mengeluarkan Ulu Pahang dan menggantikannya dengan Pasir Besar.¹² R.J. Wilkinson menarik keluar Johol dan memasukkan Inas.¹³ J.E. Nathan dan R.O. Winstedt akhirnya mengubah senarai itu kepada Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Naning, Klang, Segamat, Pasir Besar (sekarang Johol), Jelai (sekarang Inas) dan Ulu Pahang (daerah antara Ulu Serting dan Temerloh).¹⁴

Walau bagaimanapun Negeri Sembilan sebenarnya tidak pernah wujud mengandungi sembilan buah kawasan seperti yang disangkakan. Menurut Josselin de Jong angka sembilan hanyalah merupakan angka yang ideal sahaja.¹⁵ Pada tahun 1889 apabila Rembau, Johol dan Seri Menanti bersatu, Negeri Sembilan tetap bernama Negeri Sembilan. Kemudian pada tahun 1898 terdapat 13 luak dan

¹¹ J.E. Nathan & R.O. Windstedt, ed. oleh R.J. Wilkinson, "Johol, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir & Terachi: Their History and Constitution", PMS, OUP, K. Lumpur: 1971, p. 394.

¹² ibid.

¹³ R.J. Wilkinson, (ed.) "Note on The Negeri Sembilan" PMS OUP, K. Lumpur: 1971, h. 290.

¹⁴ J.E. Nathan & R.O. Winstedt, Johol, Ulu Muar., h. 394.

¹⁵ Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan: Sociopolitical Structure In Indonesia, Martinus Nijhoff's - Gravenhage, Den Haag:1980), h. 151 - 152.

pada tahun 1934 ada 12 luak.¹⁶

Sekarang Negeri Sembilan mengandungi tujuh buah jajahan pentadbiran (administrative districts) dan 14 luak atau kawasan adat. Daerah Pentadbiran itu terdiri dari Kuala Pilah, Jempol, Seremban, Jelevu, Rembau, Tampin dan Port Dickson.¹⁷ Sementara itu luak-luak mengandungi Seri Menanti, Sungai Ujong, Jelevu, Johol, Rembau, Tampin, Inas, Ulu Muar, Terachi, Gunung Pasing, Jempol, Gemencheh, Ayer Kuning dan Linggi.¹⁸

Seri Menanti pada suatu masa dahulu adalah termasuk sebahagian dalam luak Johol dan sebahagian lagi dalam luak Muar yang mengandungi beberapa buah kampung di sekeliling Istana Besar Seri Menanti sekarang. Akan tetapi ketika itu hanya beberapa orang Minangkabau yang datang meneroka tempat tersebut. Banyak penulisan yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji sejarah Negeri Sembilan memperlihatkan tentang wujudnya pertalian atau perhubungan erat antara Negeri Sembilan dengan alam Minangkabau di Sumatera Barat.¹⁹

¹⁶ Nordin Selat, Sistem Sosial., h. 57.

¹⁷ Masyarakat Port Dickson mengamalkan Adat Temenggung.

¹⁸ Taha Abd. Kadir, Masyarakat Adat Perpatih Kontemporari., h.4.

¹⁹ Antara pengkaji-pengkaji tersebut R.J. Wilkinson, Josselin de Jong, R.O. Winstedt, Datuk Abdul Samad Idris, Dr. Nordin Selat, J.J. Sheehan dan lain-lain lagi.

Perhubungan ini antara lain diperlihatkan dari segi sistem sosial termasuklah kebudayaan serta hubungan persaudaraan dan kekeluargaan.

Dalam perbilangan adat ada menyebutkan 'beraja ke Johor, bertali ke Siak dan bertuan ke Minangkabau', menunjukkan bahawa adanya kenyataan yang memperlihatkan Negeri Sembilan adalah satu daerah daripada Johor dan berajakan Sultan Johor.²⁰ Menurut Datuk Abdul Samad Idris dalam bukunya Negeri Sembilan dan Sejarahnya terdapat beberapa keterangan daripada beberapa orang Datuk Penghulu Luak Tanah Mengandung²¹ seperti Datuk Penghulu Muar, bahawa sekarang ini masih kedapatan Cop Mohor yang dikurniakan oleh Sultan Johor sebagai kuasa memerintah luaknya.²²

Ada juga perbilangan adat yang menambah, 'berpengkalan ke Melaka, Sultan Lela Merah di Naning tetapan Raja dari Minangkabau ke mari'.²³ Perbilangan tersebut menunjukkan bahawa kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan adalah melalui Melaka yang pada ketika itu merupakan sebuah

²⁰ R.J. Wilkinson, *Seri Menanti.*, h. 370.

²¹ Tanah Mengandung membawa pengertian Tanah Ibunda yang selaras membawa konotasi kawasan tempat bersemayamnya DYMM. Lihat peta 3, h. 221.

²² Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Utusan Melayu, K. Lumpur: 1968, h.236.

²³ R.J. Wilkinson, *Seri Menanti.*, h. 370.

pengkalan dan perlabuhan yang terkemuka di nusantara. R.J. Wilkinson mengaitkan perbilangan tersebut dengan sejarah kedatangan Raja Melewar²⁴ yang singgah di Melaka dan kemudian disambut serta diiktiraf di Naning.

Daripada keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa dari segi sejarah sejak beratus-ratus tahun yang lampau ramai orang-orang Minangkabau merantau meninggalkan tanah air mereka. Ramai di antara mereka sampai ke Semenanjung Tanah Melayu khususnya ke Naning dan beberapa kawasan di Negeri Sembilan. Dr. Mochtar Naim telah menghuraikan dengan panjang lebar mengenai fenomena merantau ini dalam bukunya berjudul Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau. Antara lain beliau menyebutkan bahawa sistem matrilineal di kalangan masyarakat Minangkabau mungkin menyebabkan sebahagian kaum lelaki berhijrah ke daerah-daerah rantau dengan meninggalkan wanita-wanita di rumah. Akibat dari migrasi kaum lelaki ini telah menyebabkan melembaganya sistem matrilineal yang berpunca dari eratnya hubungan ibu dan anak (perempuan).²⁵ Migrasi nampaknya adalah sebuah fenomena yang terus menerus terjadi di setiap

²⁴ Raja Melewar merupakan Yang di Pertuan Negeri Sembilan yang pertama dijemput dari Paggarruyong.

²⁵ Mochtar Naim, Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau, Gadja Mada Universiti Press, Yogyakarta: 1979, h. 59.

waktu dan tempat dan pada bangsa manapun, tak terkecuali orang Minangkabau.

Alam atau Negeri Minangkabau telah wujud sebagai sebuah kerajaan berdaulat sejak berabad-abad yang lalu yang berpusat di Pagarruyong.²⁶ Menurut Tambo Adat Minangkabau, nenek moyang²⁷ pertama orang-orang Minangkabau ini berasal dari puncak Gunung Merapi dan turun ke kawasan lembahnya untuk membuka 'teratak' yakni unit perkampungan kecil. Lama kelamaan bilangan mereka bertambah ramai lalu membangunkan beberapa buah teratak lagi. Unit penempatan yang mengandungi beberapa buah teratak ini dinamakan dusun. Selanjutnya dusun juga turut berkembang dan membesar lalu membentuk unit 'nagari' dan dari nagari lahir pula unit koto; dan koto menjadi Luhak atau luak. Daerah sekitar Gunung Merapi, Singgalang, Tandikat dan saga kemudian menjadi tiga luak iaitu Luak Tanah Datar (sekitar Batu Sangkar), Luak Agam (sekitar Bukit Tinggi) dan Luak Lima Puluh Kota (sekitar

²⁶

Pagarruyong terletak berdekatan dengan Batu Sangkar yang sekarang ini termasuk dalam kawasan Kabupaten Tanah Datar, Propinsi Sumatera Barat, Indonesia.

²⁷

Menurut Metos, nenek moyang ini dikaitkan dengan tiga orang putera Sultan Iskandar Zulkarnaen iaitu Maharaja Alif, Maharaja Dapang, Maharaja di Raja. Dalam pelayaran mereka betengkar untuk memiliki mahkota. Akhirnya mereka berpisah. Maharaja Alif menjadi raja Di Byzantium, Maharaja Dapang menjadi raja China dan Jepun, sementara Maharaja di Raja menjadi raja Minangkabau. Kapal Maharaja di Raja terdampar di puncak Merapi. Lihat Mochtar Naim, Merantau., h. 60; M. Rasjid Manggis, Minangkabau: Sejarah Ringkas dan Adatnya, Sri Dharama, Padang: 1970, h.20-21.

Paya kumboh). Luhak-luhak tersebut dikenali sebagai Luhak Nan Tigo, yang dikatakan daerah asal orang Minangkabau.²⁸

Orang Minangkabau ini sejak zaman berzaman cenderung keluar dari kampung asalnya untuk membuka kawasan di samping mencari harta. Amalan merantau ini biasa dilakukan oleh kaum lelaki mungkin disebabkan harta dan tanah pusaka dimiliki oleh orang-orang perempuan. Dalam sistem sosialnya yang bersifat matrilineal maka orang lelakinya terpaksa mencari harta di luar kawasan demografi mereka. Di tempat-tempat yang baru dibuka itu mereka akan mengekalkan dan mengembangkan ciri-ciri kehidupan cara Minangkabau seperti di tempat asalnya.

Setiap luhak yang dinyatakan tadi (Luhak Nan Tigo) berkembang selanjutnya sehingga membawa ke daerah yang melewati Pulau Sumatera iaitu hingga ke tanah Besar Semenanjung Tanah Melayu khususnya ke Negeri Sembilan dan Naning. Kedua-dua tempat tersebut menjadi daerah rantau Minangkabau kerana pendatang Minang itu terus tinggal menetap serta mengamalkan cara hidup Minangkabau seperti di tempat asalnya. Walau bagaimanapun tidak dinafikan terdapatnya orang-orang Minangkabau di tempat-tempat lain di Semenanjung Tanah Melayu ini seperti di Perak, Selangor, Johor dan Singapura; tetapi di Negeri

²⁸

Mochtar Naim, Merantau., h.60.

Sembilan pendatang-pendatang Minangkabau ini lebih mengekalkan cara dan sistem hidup masyarakat seperti di tempat asal mereka berbanding dengan tempat lain yang lebih asimilasi dengan penduduk tempatan atau membentuk kumpulan kecil sambil menyesuaikan diri dengan persekitaran.

Sehingga kini kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan masih belum diketahui masa dan tarikhnya dengan tepat. Berbagai pendapat telah disarankan oleh para sejarawan mengenai masa kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan. Menurut T.J. Newbold orang-orang Minangkabau berhijrah ke Tanah Melayu secara bergelombang dan kumpulan yang pertama tiba pada kira-kira abad ke 12. Ketua kumpulan ini bernama Tu Pattair dan mereka mula-mula tiba di Melaka, kemudian mudik ke Sungai Melaka dan sampai ke suatu tempat bernama Tabo (Tabuh Naning). Tu Pattair dan anak-anak buahnya membuka perkampungan dan beliau berkahwin dengan seorang gadis jakun serta menetap di situ sehingga akhirnya terbentuk sebuah perkampungan Minangkabau yang pertama di Tanah Melayu.²⁹

²⁹ Taha Abd. Kadir, "Negeri Sembilan: Daerah Rantau Minangkabau Yang Melepaskan Diri Dari Ikatan Daerah Induknya", Warisan, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 1983, h.1.

R.J. Wilkinson pula menyarankan bahawa penghijrahan orang-orang Minangkabau ke Tanah Melayu berlaku tidak lama selepas kejatuhan Melaka ketangan Portugis pada tahun 1511.³⁰ Pada tahun 1613 seorang pengembara Portugis bernama Gou Dinho de Eredia telah mencatatkan bahawa terdapat orang-orang Minangkabau di daerah Naning dan Rembau.³¹

Menurut Haji Buyong Adil dalam bukunya Sejarah Alam Melayu kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan adalah kira-kira sekitar kurun ke 15.³² Ini dibuktikan dengan adanya sebuah makam di Sungai Udang, Linggi yang dikatakan makam seorang yang bernama Sheikh Ahmad. Rupa, bentuk serta tulisan yang terpapar pada batu nisan itu dikatakan serupa dengan batu bersurat di Batu Sangkar dan Pagarruyong. Ini menunjukkan Almarhum Sheikh Ahmad berasal dari Minangkabau. Dari tulisan yang terdapat pada batu nisan tersebut menunjukkan bahawa Sheikh Ahmad meninggal dunia pada tahun 872 H bersamaan tahun masehi 1467 iaitu zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah di Melaka (1459-1477). Ini bermakna rombongan Sheikh Ahmad telah datang beberapa tahun sebelum 1467. Namun perkataan 'Sheikh' di awal namanya boleh menimbulkan persoalan kepada kita sama ada beliau

³⁰ R.J. Wilkinson, Notes on The N. Sembilan., h.289.

³¹ R.O. Winstedt, "A History of Negeri Sembilan", JMBRAS, Vol.12, Pt.3, 1934, h.45.

³² Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya., h.238.

seorang Minangkabau ataupun Arab yang datang menyibar Islam.

Ada juga pendapat lain yang memperlihatkan bahawa sejarah hubungan ikatan pertalian darah dan tali temali kebudayaan di antara Minangkabau dan Negeri Sembilan telah wujud dan berkembang sejak zaman kerajaan Sri Vijaya di Sumatera Tengah (sekitar abad ke 6 dan 7) dan ini berlanjutan hingga ke zaman pemerintahan kerajaan Pagarruyong pada abad ke 14.³³ Walau bagaimanapun hakikat penghijrahan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan atau Ke Tanah Melayu umumnya adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan dan kedatangan mereka bermula kira-kira sepuluh abad yang lalu atau mungkin lebih awal dari itu.

Daripada keterangan-keterangan tersebut diatas dapatlah dikatakan bahawa sebelum Seri Menanti dibuka terlebih dahulu terdapat beberapa daerah di Negeri Sembilan yang telah pun dibuka seperti Rembau, Sungai Ujong, Jelebu dan Naning. Menurut Datuk Abdul Samad Idris, Seri Menanti dibuka oleh orang-orang Minang yang datang dari Rembau melalui Naning.³⁴ Malahan kumpulan-kumpulan yang kemudian pula menuju ke Inas, Gunung Pasir, Seri Menanti, Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gemencheh.

³³ Taha Abd. Kadir, Negeri Sembilan., h.1.

³⁴ Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya., h.38.

Sehingga kini tidak diketahui dengan pasti siapakah orang Minangkabau yang mula-mula sekali membuka Seri Menanti. Demikian juga tarikhnya yang tepat tidak dapat dibuktikan kerana kebanyakan sumber sejarah tempatan lebih merupakan sejarah lisan sahaja. Berdasarkan dari sejarah lisan inilah dikatakan bahawa pada suatu masa dahulu seorang ketua yang bergelar Dato' Raja bersama isterinya yang bernama To' Seri dengan beberapa orang anak buahnya belayar dari daerah Minangkabau menuju ke Siak. Dari Siak beliau dan pengikut-pengikutnya menyeberangi Selat Melaka langsung ke Johor dan singgah ke Melaka. Kemudian beliau menuju ke Naning dan Rembau. Dari Rembau mereka ke Seri Menanti yang ketika itu belum bernama lagi. Mereka berhenti di suatu tempat yang terdapat kesan-kesan alur yang kononnya dilalui oleh naga. Lalu mereka namakan tempat tersebut 'Londar Naga' yang bermaksud alur naga.³⁵ Tempat yang bernama Londar Naga itu sekarang ialah Kampung Galau yang terletak kira-kira lima kilometer dari pekan Seri Menanti menghala ke jalan Gunung Pasir. Kesan alur naga itu masih boleh lagi dijumpai hingga sekarang ini.

Dato' Raja ini adalah kerabat Dato' Bendahara yang memerintah Sungai Tarab bergelar Penghulu Alam di bawah pemerintahan Yang di Pertuan Sultan Minangkabau.

³⁵ R.J. Wilkinson, Seri Menanti., h.364; Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya., h.240.

Mereka ini dari suku Batu Hampar dan kemudiannya membuka kampung yang diberi nama Sungai Layang. Nama ini kekal hingga sekarang. Sungai Tarab terletak dalam Luhak Tanah Datar, manakala Batu Hampar terletak dalam Luhak Paya Kumbuh. Keturunan daripada anak cucu Dato' Raja dan To' Seri inilah yang menyandang pesaka bagi dua daripada jawatan Orang Empat Istana di Seri Menanti hingga sekarang, yang bergelar Datuk Seri Amar di Raja dan Datuk Raja Diwangsa.

Tidak berapa lama kemudian, datang pula sekumpulan orang-orang Minangkabau yang diketuai oleh dua orang bersaudara dari suku Tanah Datar ke Seri Menanti. Seorang daripada bernama Sutan Sumanik dan seorang lagi bernama Johan Kebesaran.³⁶ Kedua-duanya merupakan sanak saudara kepada Dato' Makhdum Sakti, orang besar di Minangkabau. Dalam perjalanan mereka ke Seri Menanti kumpulan tersebut singgah di Siak. Dari Siak barulah mereka menyeberang ke Melaka dan lalu ke Rembau. Dari Rembau mereka menuju ke Seri Menanti membuka negeri yang baharu. Kawasan yang baharu mereka terokai ini dinamakan Tanjung Alam yang dikenali sekarang dengan nama Gunung Pasir.

³⁶ Sutan Sumanik dan Johan Kebesaran mungkin gelaran sahaja dan bukan nama sebenar. Sumanik adalah nama Kampung dalam Luhak Tanah Datar dan Dato' Makhdum Sakti adalah gelaran Datuk Lembaganya di Minangkabau.

Kemudian ramai lagi orang-orang Minangkabau ini menyusur jalan orang-orang yang terdahulu menumpu ke Seri Menanti. Di antaranya terdapat satu kumpulan yang diketuai oleh Dato' Putih dari suku Seri Lemak. Kedatangan kumpulan ini menumpu dan menepat kepada Sutan Sumanik dan Johan Kebesaran di Tanjung Alam.

Pada suatu ketika bermuafakatlah di antara datuk-datuk yang mengetuai berbagai-bagai suku tersebut untuk mencari tempat yang lebih baik serta sesuai bagi membuka negeri,³⁷ kampung halaman dan sawah ladang. Dato' Putih³⁸ bertempat di Kuala Gamin yang kekal namanya hingga sekarang. Sementara itu seorang yang bernama Dato' Laut Dalam membuka tempat yang diberi nama Kuala Air Humban Tali; dan Sutan Sumanik membuka kawasan Air Merbau Anjing Beranak.³⁹ Mengikut keterangan Datuk Besar Meon, kedua-dua kawasan tersebut terletak di Kampung Gamin di mana terdapatnya anak sungai yang bercabang dua. Salah satu daripada anak sungai itu bernama Air Humban Tali dan satu lagi disebut sebagai Air Merbau Anjing Beranak. Jadi ada kemungkinan Dato' Putih, Dato' Laut Dalam dan Sutan Sumanik membuka kawasan yang berhampiran antara satu sama lain. Sementara itu Dato' Sheikh pula membuka

³⁷ membuka negeri bermakna membuka satu-satu kawasan.

³⁸ Disebut juga Dato' Pandak: Keterangan oleh Datuk Besar Meon bin Abu Bakar di Kampung Buyau, Seri Menanti, pada 3.11.1986.

³⁹ Temubual dengan Datuk Besar Meon, b. Abu Bakar di kampung Buyau, Seri Menanti, pada 3.11.1986.

tempat yang bernama Sungai Lintah; dan Sutan Johan Kebesaran kekal menetap di Tanjung Alam. Menurut Datuk Besar Meon lagi, Sungai Lintah merupakan nama sebuah sungai yang terletak di Kampung Bukit.⁴⁰ Semua tempat-tempat tersebut terletak dalam kawasan Seri Menanti. Ternyata di sini keseluruhan kawasan-kawasan yang dibuka oleh datuk-datuk tersebut adalah berhampiran dengan sungai. Ini menunjukkan bahawa sungai merupakan perhubungan yang paling penting dalam masyarakat Seri Menanti pada suatu masa dahulu. Tetapi kini nama-nama seperti Kuala Air Humban Tali, Air Merbau Anjing beranak dan Sungai Lintah tidak lagi popular atau disebut oleh generasi sekarang, sebaliknya hanya tinggal sebagai kenangan dan pengetahuan orang-orang tua sahaja. Justeru itu besar kemungkinan nama-nama ini akan terus luput dalam ingatan generasi yang akan datang.

Selanjutnya dikatakan bahawa ketika Dato' Putih yang juga dikenali sebagai seorang Pawang sedang menjalankan kerja meneroka tanah baru itu tiba-tiba beliau menjumpai tiga batang padi tumbuh serumpun, lalu tempat itu dinamakannya 'Padi Menanti'. Tempat ini kemudiannya ditukar namanya kepada Seri Menanti. 'Seri' itu bermakna padi dalam bahasa Jawa Kuno. Dikatakan kawasan inilah yang menjadi tapak pembinaan Istana Lama yang masih kedapatan hingga ke hari ini. Menurut satu

⁴⁰ Temubual dengan Datuk Besar Meon b. Abu Bakar di kampung Buyau, Seri Menanti, pada 3.11.1986.

sumber lain kenapa namanya ditukar ialah:

'Dato' Putih yang juga pawang menggantikan nama itu kemudiannya dengan Seri Menanti sebagai memuja Sang Jang Seri, Dewi Kesuburan.'⁴¹

Bagaimanapun sebab-sebab kenapa nama 'Padi' itu ditukar kepada nama 'Seri' tidaklah diketahui dengan pasti. Ada kemungkinan juga tempat itu disebut sebagai Seri Menanti kerana memang telah menjadi tradisi masyarakat Minangkabau yang merantau itu, akan menanti dan berehat di tempat-tempat yang sesuai; jadi oleh kerana Seri Menanti (ketika itu belum bernama Seri Menanti) merupakan satu lembah yang menarik dan sesuai bagi perantau-perantau Minang ini untuk berehat atau menanti sebelum meneruskan perjalanan, maka mereka namakan tempat tersebut sebagai Seri Menanti. Tetapi mungkin juga nama 'Seri' itu mengambil sempena nama 'To' Seri iaitu isteri kepada Dato' Raja. Bagaimanapun sejak itu kekalah nama tempat yang diteroka oleh Dato' Putih itu dengan nama Seri Menanti hingga sekarang.

Setelah itu bersemenda menyemendalah antara suku dengan suku yang lain, antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain. Semakin ramailah orang-orang Minangkabau yang datang menumpu (berhijrah) ke Seri Menanti dan menepat (mencari) kepada suku masing-masing.

⁴¹ M. Rasjid Manggis (Dt. Radjo Penghoeloe), Negeri Sembilan Hubungannya Dengan Minangkabau (Payong Terkembang), Pustaka Sa'adijah, Bukit Tinggi, 1970, h. 103.

Akhirnya mereka terfikir akan perlunya seorang pemerintah bagi mentadbir negeri yang sudah terbuka luas itu. Walaupun mereka mempunyai ketua suku masing-masing yang dipanggil Datuk Lembaga dan Buapak tetapi belum mempunyai penghulu yang lebih tinggi taraf serta kedudukannya sebagai ketua bagi datuk-datuk Lembaga.

Pada masa itu kira-kira dalam pertengahan kurun ke 18 (antara 1740 - 1760) bermuafakatliah diantara datuk-datuk Lembaga ini pergi mendapatkan Penghulu Luak Inas untuk meminta seorang daripada anaknya menjadi Penghulu. Datuk Penghulu Luak Inas memperkenankan permintaan itu dan menghantar anak perempuannya bernama Senduk Emas yang dikenali juga dengan gelaran Penghulu Berlantai Kulit. Pada masa itu soal keturunan seseorang lebih diutamakan untuk menjadi Penghulu ataupun Datuk-datuk Lembaga. Penghulu Berlantai Kulit ini menetap di Padang Biawas dan nama tempat ini kekal hingga sekarang. Beliau berkahwin dengan seorang pemuda bernama Khatib Akil⁴² dan memperolehi seorang anak lelaki bernama Naam. Naam kemudiannya dilantik menjadi Penghulu Luak Muar menggantikan ibunya. Dari keturunan beliau inilah juga asalnya jawatan Penghulu Luak Muar.

Datuk Penghulu Naam ini kemudiannya menyemenda (berkahwin) dengan suku Batu Hampar Sungai Layang iaitu anak cucu keturunan Dato' Raja, orang Minangkabau yang

⁴²Khatib Akil dikatakan seorang yang berketurunan baik-baik dan alim.

mula-mula meneroka di kawasan Seri Menanti. Dari perkahwinan tersebut Dato' Penghulu Naam dikuniakan seramai lima orang anak, tiga perempuan dan dua lelaki iaitu:⁴³

- | | | |
|------|-------------|----------|
| i) | Warna Emas | (P) |
| ii) | Nyai Kuning | (P) :44: |
| iii) | Merah | (L) |
| iv) | Sipi | (L) |
| v) | Sani | (P) |

Susurgalur keturunan Datuk Penghulu Naam ini mempunyai kaitan penting dengan takhta kerajaan Negeri Sembilan sekarang sehubungan dengan peristiwa bermulanya sistem beraja Seri Menanti. Dari keturunan Merah dan Sipi itu jugalah bermulanya dua jawatan dari Orang Empat Istana yang memainkan peranan penting dalam mengatur masyarakat Adat Lingkungan dan adat istiadat Istana. Sementara Sani pula menjadi isteri kepada Raja Melewar, Yamtuan Negeri Sembilan yang pertama.⁴⁵ Malahan dari sini jugalah mula terbitnya apa yang dinamakan Air Kaki dan Air Kaki Lingkungan yang terdiri dari suku-suku yang mengamalkan Adat Lingkungan di bawah lembaganya Orang Empat Istana.

⁴³ Abdul Samad Idris, ed. Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, N.S Malay Co-op, Seremban, 1961, h. 10.

⁴⁴ Disebut juga Nyai Koring; Lihat R.O. Winstedt dalam R.J. Wilkinson (ed. 1907-1916), PMS, Oxford Universiti Press, K. Lumpur, 1971, h. 389.

⁴⁵ Nama sebenar Raja Melewar ialah Sultan Mahmud. Keterangan lanjut akan diberikan pada bab yang berikut.

C. Sistem Sosial Seri Menanti

Seluruh sistem sosial Negeri Sembilan secara umumnya dan Seri Menanti khususnya merupakan satu sistem yang diubahsuai dari sistem masyarakat Minangkabau. Pengaruh Minangkabau ini dapat kita lihat dalam masyarakat Seri Menanti kerana sebilangan besar penduduk Seri Menanti adalah terdiri dari keturunan orang-orang Minangkabau yang telah berhijrah masuk sejak awal lagi. Sebagaimana hidup orang Minangkabau di negeri asal mereka, hidup orang-orang Melayu keturunan Minangkabau di Negeri Sembilan juga adalah 'dikandung adat'. Maksudnya di sini adat itu adalah merupakan suatu sistem yang menjadi benteng untuk menjaga supaya kehidupan masyarakat menjadi harmoni dan berperaturan.

Sebagaimana yang telah saya tegaskan pada peringkat awal penulisan, Negeri Sembilan tidak mempunyai kesultanan ataupun sebarang bentuk kerajaan pusat hingga lebih kurang tahun 1780. Pada zaman Kesultanan Melaka (1400-1511) telah bertapak segolongan kecil kelas pemerintah yang bergantung kepada Melaka. Tetapi pemerintah ini tidak lebih dari penghulu-penghulu daerah tempatan. Dalam tempoh 250 tahun di antara kejatuhan Kesultanan Melaka dengan penubuhan satu dinasti diraja di Negeri Sembilan ramai orang yang pindah masuk dan kebanyakannya dari Minangkabau.⁴⁶ Mereka

⁴⁶

J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, trans. Dewan Bahasa dan Pustaka K. Lumpur, 1981, h. 55.

datang dengan kumpulan-kumpulan kecil dengan membawa bersama-sama mereka sisa-sisa satu sistem penyatuan zuriat yang berasaskan keturunan. Gullick menyebutnya sebagai 'sisa satu sistem' kerana pada pandangan beliau keadaan pindah masuk secara kumpulan-kumpulan kecil ini menjadikan mustahil bagi mereka membawa ikatan kekeluargaan yang sebenarnya yang merangkumi lebih daripada kumpulan-kumpulan kecil itu. Namun begitu mereka ada membawa idea mengenai sistem itu dan membina semula susunan sosial mereka berasaskan sistem tersebut.

Dari segi pentadbiran politik, luak-luak di Negeri Sembilan diperintah oleh seorang penghulu.⁴⁷ Di bawah Penghulu atau Undang terdapat lembaga iaitu suatu jawatan adat yang mengetuai suku di setiap luak. Begitu juga Seri Menanti terdapat lembaganya sendiri yang mengetuai suku-suku yang tergolong dalam Adat Lingkungan. Di bawahnya terdapat pula Buapak yang menjadi ketu Perut, Besar menjadi ketua Ruang dan Kedim menjadi ketua Rumpun. Ketua-ketua ini dipilih dari bawah, yakni dari anak buah memilih Buapak melalui muafakat dan kebulatan suara; Buapak pula memilih Lembaga; dan Datuk Lembaga memilih Penghulu atau Undang. Proses ini dianggap demokrasi dari segi hak memilih

⁴⁷ Bagi Empat Luak utama iaitu Rembau, Sungai Ujong, Johol dan Jelebu, pemerintahnya dipanggil Undang bukannya Penghulu sebagaimana di luak-luak lain.

seseorang ketua. Setiap ketua tersebut dipilih mengikut adat dan hiraknya seperti kata perbilangan adat:

Berjinjang naik, bertangga turun
Naik dari jinjang nan bawah

Turun dari tangga nan atas
Alam beraja, Luhak berpenghulu
Lembaga bersuku, suku bertua
Anak buah berbuapak.

Setiap pemimpin tersebut berkuasa secara sah selagi mereka tidak dipecat kerana sesuatu sebab atau kesalahan. Sistem ini masih berjalan dari dahulu hingga sekarang. Perlu juga dinyatakan di sini, walaupun masyarakat ini berbentuk matrilineal tetapi seluruh pemimpin mereka adalah terdiri dari kaum lelaki dari perut atau suku berkenaan.

Sebenarnya dalam tiap-tiap daerah di Negeri Sembilan terdapat satu kumpulan yang diakui sebagai waris negeri yang berhak menjadi pembesar bagi daerah itu. Menurut Gullick kumpulan waris ini pada asalnya bersifat nisab bapa mengikut tradisi Kesultanan Melaka dan berkahwin dengan orang-orang Minangkabau yang bertradisi nisab ibu. Lama-kelamaan menerapkan peraturan-peraturan mereka bagi pemindahan jawatan politik kepada keturunan nisab ibu. Perubahan ini sebenarnya sudah pun berlaku lama sejak abad ke 19 lagi.⁴⁸

⁴⁸ J.M. Gullick, Sistem Politik., h.56.

Sebagaimana di daerah-daerah lain, di Seri Menanti juga masyarakatnya disusun menurut titisan nisab ibu ini. Tetapi Seri Menanti diperintah oleh keluarga Diraja yang mengamalkan sistem patrilineal (Adat Temenggung).⁴⁹ Fungsi raja yang utama adalah untuk mempertahankan daerah lingkungannya dan juga berperanan sebagai mahkamah rayuan yang terakhir.⁵⁰ Hanya Yamtuan sahaja yang mempunyai kuasa untuk mengenakan undang-undang hukuman yang berat dalam menjaga keadilan. Mengikut perbilangan adat:

'Adapun raja itu tiada bernegeri
dan tiada mencukai kharajat, ⁵¹
melainkan berkeadilan sahaja;
serta pemakanannya duit sesuku,
beras segantang, nyiur setali'.⁵²

Ini bermakna raja tidak mempunyai kuasa pada adat nagari kerana baginda berada di luar Adat Perpatih. Kedudukan ini adalah disengajakan supaya baginda dapat memainkan peranannya sebagai lambang 'keadilan' yang saksama, tanpa memihak kepada mana-mana luak yang bersengketa.

Yamtuan bersemayam di Seri Menanti. Seri Menanti adalah sebuah kawasan yang kompleks dan berbeza dari luak-luak yang lain kerana tidak mempunyai batasan kawasan yang tegas. Seri Menanti menggunakan Adat

⁴⁹ G.A. de C. de Moubray, Matriarchy In The Malay Peninsular And Neighbouring Countries, George Routledge & Son Ltd., London, 1931, h.20.

⁵⁰ ibid.

⁵¹ Kharajat bermaksud pemberian yang berupa makanan.

⁵² Nordin Selat, Sistem Sosial., h.56.

Lingkungan yang tidak berkenaan dengan kawasan sekitarnya, tetapi merujuk kepada kumpulan yang tertentu dengan ahlinya yang tidak tetap.⁵³

Yamtuan tidak turut campur dalam hal ehwal luak. Baginda hanya menjadi 'keadilan' dan hanya berkuasa menjatuhkan hukuman bunuh atau memberi kata pemutus dalam sebarang hal sebagaimana menurut perbilangan, 'pedang pemancung pada keadilan'. Baginda berkuasa di Seri Menanti dan mempunyai beberapa keistimewaan di Luak Tanah Mengandung. Pada masa dahulu baginda menyara hidup dengan kutipan wang, padi dan kelapa dari tiap-tiap tuan punya tanah di Seri Menanti. Bagi upacara-upacara perkahwinan, berkhatan dan pengkebumian Yamtuan atau kerabat yang hampir, baginda diberi tiga ekor kerbau dan wang yang dipanggil 'mas mannah'.⁵⁴ Baginda juga mendapat wang dari denda-denda yang dikenakan.

Di daerah asal Minangkabau setiap nagari atau unit penempatan adalah dihuni oleh sesuatu suku yang berdasarkan geneologis atau bersuku-suku. Suku ini mempunyai pecahan atau yunit-yunit yang lebih kecil disebut perut dan setiap perut mempunyai unit 'ruang'.

⁵³ M.B. Hooker, Adat Laws In Modern Malaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, h.114.

⁵⁴ 'Mas Mannah' merupakan wang diberi sebagai hadiah. R.J. Wilkinson, Seri Menanti., h.371; Nordin Selat, Sistem Sosial., h.59.

Keadaan yang sama juga terdapat dalam masyarakat Seri Menanti dan Negeri Sembilan secara umumnya. Dalam pengertian masyarakat Minang, nagari tersebut terdiri daripada beberapa buah kota atau kampung, sebagaimana menurut perbilangan adat:

Teratak mulo dibuek
Sudah teratak menjadi dusun
Sudah dusun menjadi koto..
Sudah koto menjadi nagari.

Gabungan kampung-kampung membentuk negeri yang mempunyai sifat-sifat khusus yang tidak dimiliki oleh masyarakat lain iaitu mempunyai satu pergaulan hidup tertentu, mempunyai daerah tertentu, rakyat tertentu dan pemerintah tertentu. Untuk membentuk nagari mempunyai syarat-syarat seperti berikut:

Babalai, bamusa [j]lik (berbalai dan bermasjid)
Basawah, baladang (mempunyai sawah dan ladang)
Balabuh, batapian (mempunyai pengkalan & tempat mandi)
Bapadam, pakuburan (meninggal & mempunyai tanah kubur)

Balai dalam masyarakat Minang melambangkan tempat di mana budi dicari, kebenaran ditegakkan dan masjid melambangkan agama dan kerohanian. Bagi mereka hati dan jiwa manusia mesti dididik dengan iman dan ketaqwaan kepada Allah. Kedua-dua perkara ini mempunyai makna dan fungsi yang lebih mendalam lagi. Ini juga membawa pengertian bahawa orang-orang Minang turut mementingkan

santapan rohani di samping keperluan jasmani agar amalan hidup seharian lebih baik dan bersih.⁵⁵

Keperluan jasmani juga harus ditekankan. Untuk ini mereka harus mempunyai sawah dan ladang yang dikatakan memadai setakat 'cukup sandang dan pangan' yakni cukup makan minum dan pakaian. Nagari juga harus mempunyai pengkalan atau pelabuhan untuk kelancaran mobilisasi ahli-ahli masyarakat dan untuk mengangkut hasil-hasil sawah ladang.⁵⁶ Mereka juga perlu mempunyai tapian atau tempat mandi sebagai salah satu keperluan pembersihan jasmani dan kesihatan. Sementara bapadam dan mempunyai tanah perkuburan adalah untuk memenuhi pernyataan adat 'hidup batampek, mati bakabua' iaitu hidup bertempat mati berkubur. Begitu jugalah di Seri Menanti sehingga kini keadaan atau ciri-ciri tersebut tetap wujud dalam membentuk suatu sistem sosial yang berasaskan seperti mana di Alam Minangkabau yang asal.

Masyarakat Seri Menanti turut memberi perhatian tentang ketentuan-ketentuan adat dalam urusan kehidupan sehari-hari. Hal ini jelas kita lihat dalam kata-kata perbilangan adat yang sentiasa dihormati dan dipatuhi oleh para pendukung adat. Setiap ahli dalam masyarakat mempunyai peranan dan fungsi masing-masing mengikut

⁵⁵

Taha Abd. Kadir, Negeri Sembilan., h.5.

⁵⁶

Pada zaman tradisi pengkalan atau pelabuhan didirikan di sungai-sungai untuk memudahkan pergerakan masyarakat ketika itu.

keadaan. Perbilangan berikut jelas memperlihatkan peraturan ahli masyarakatnya:

Kok ketek balingka tanah (kalau kecil
belingkar tanah)
Kok gadang balingka aur (kalau besar
belingkar aur)
Kampung bapaga buek (kampung dibuat pagarnya)
Kampung baumpuak (kampung berketentuan
kelompok)
Suku bajorong (suku mempunyai
susurgalurnya)⁵⁷

Daripada perbilangan tersebut antara lain memperlihatkan peranan ahli-ahli masyarakat iaitu yang kecil hanya berperanan di sekitar kawasan rumah. Sementara yang besar atau dewasa haruslah berusaha; kampung dibuat pagarnya sebagai pengawalan. Demikian juga setiap kelompok diperuntukkan haknya masing-masing dan sesuatu suku ditentukan susurgalurnya seperti perut dan ruangnya. Tegasnya kita menerima hakikat bahawa manusia menurut keadaannya tidak sanggup hidup sendiri. Manusia sentiasa memerlukan bantuan tenaga sejak kecil hingga ke hari tua kerana kekuatan sendiri tidak sanggup melakukan kerja-kerja yang berat yang di luar kemampuannya. Dengan demikian sikap bertolong-tolongan dan bekerjasama sebagaimana yang diungkapkan dalam perbilangan di atas adalah menjadi dasar pergaulan hidup sesamanya. Justeru itu timbullah peribahasa 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing' demi kepentingan dan keperluan bersama.

57

Taha Abd. Kadir, Negeri Sembilan., h.6.

Seterusnya perbilangan berikut ada kaitan dengan sistem sosial orang-orang Minang dan juga diakui menjadi dasar sistem sosil masyarakat Seri Menanti sendiri:

'nagari bakaampek suku
suku nan babuah paruik
kampung nan ba-Tuo'.

Dalam istilah asal, 'suku' beerti seperempat, kerana menurut Tambo Minangkabau mereka berasal dari empat suku iaitu:⁵⁸

- i) suku koto
- ii) suku pilliang
- iii) suku budi
- iv) suku caniago

Namun nama-nama suku yang asli tersebut tidaklah wujud baik dalam masyarakat Seri Menanti maupun dalam masyarakat Negeri Sembilan umumnya. Nama-nama suku yang wujud sekarang ini adalah berasal dari nama-nama tempat yang terdapat di Minangkabau.

Dalam istilah sekarang suku mempunyai pengertian iaitu kelompok manusia yang berasal dari satu keturunan yang disusurgalurkan menurut nisab ibu. Menurut sejarah, suku Koto dan Piliang adalah bahagian Datuk Katumanggungan manakala Bodi dan Caniago bahagian Datuk Perpatih Nan Sebatang.⁵⁹ Datuk Katumanggungan dan Datuk

Perpatih merupakan dua orang adik beradik tiri yang mengasaskan sistem adat yang wujud sekarang ini iaitu Adat Temenggung dan Adat Perpatih berdasarkan nama mereka.

58

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1975, h.119.

59

M. Rasjid Manggis, Minangkabau., h.114.

Dalam Adat Perpatih jurai keturunannya adalah unilateral atau unilineal iaitu disusurgalurkan kepada satu pihak sahaja yakni nisab ibu.⁶⁰ Dengan dasar sistem unilateral-matrilineal ini maka timbullah sistem kesukuan yang menjadi teras pegangan. Bagi masyarakat Seri Menanti yang mengamalkan Adat Lingkungan juga turut mengamalkan sistem yang sama seperti Adat Perpatih iaitu menurut nisab ibu. Namun begitu mereka tidaklah terikat sangat kepada susunan suku yang unilateral dan matrilineal dan tidak pula menganut sepenuhnya sistem eksogami sebagai teras dari suku.⁶¹

Baik dalam Adat Perpatih maupun Adat Lingkungan setiap suku mempunyai ketuanya masing-masing yang disebut Lembaga. Lembaga ini dipilih dan dilantik oleh anak-anak buah menerusi Buapak-Buapak mereka dan bertanggung jawab terhadap segala hal yang berlaku dalam perut-perut yang bergabung dalam sukunya.

Dengan adanya adat bersuku-suku ini, mengekalkan pertalian berkaum sehingga mewujudkan sikap hidup berkasih-kasihan, bertolong-tolongan kerana orang yang sepesukuan itu adalah 'sasakik-sasanang, samalu-sasopan'.⁶² Menurut adat, dalam sesuatu suku itu 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing' dan malu yang

⁶⁰ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat., h.122.

⁶¹ ibid., h.126.

⁶² Sama sakit-sama senang, sama malu-sama sopan. Lihat M. Rasjid Manggis, Minangkabau., h.54.

menimpa seseorang dalam sesuatu suku sama-sama dirasakan oleh kaum yang sepesukuan itu seperti kata perbilangan adat 'malu tak boleh diagih, suku tak boleh diasak'.⁶³

Di Negeri Sembilan terdapat 12 suku sebagaimana yang diterangkan dalam gurindam berikut:⁶⁴

Raja beralam
 Penghulu berluak
 Lembaga berlingkungan
 Buapak beranak buah
 Anak buah duduk bersuku-suku
 Berapa sukunya ?
 Dua belas !

Suku yang dua belas itu ialah:

1. Biduanda atau Waris
2. Batu Hampar
3. Paya Kumbuh
4. Mungkal
5. Tiga Nenek
6. Seri Melenggang
7. Seri Lemak
8. Batu Belang
9. Tanah Datar
10. Anak Acheh
11. Anak Melaka
12. Tiga Batu

Kesemua dua belas suku ini pada umumnya terdapat dimana-mana kawasan adat di Negeri Sembilan. Di samping itu terdapat pula beberapa pecahan daripada suku-suku tersebut berdasarkan nama tempat atau lain-lain; umpamanya suku Seri Lemak berpecah kepada Seri Lemak Pahang dan Seri Lemak Minangkabau. Demikianlah juga di

⁶³ ibid., h.55.

⁶⁴ Mohtar Md. Dom, Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia, Federal Publication Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1977, h.4.

Seri Menanti terdapat suku Batu Hampar Air Kaki dan Batu Hampar Lingkungan.

Kebanyakan nama suku ini diambil dari nama kampung atau tempat asal ketua-ketua kumpulan orang Minangkabau yang berhijrah ke sini dahulu. Bagi Adat Perpatih hubungan persaudaraan antara suku melampaui batasan daerah. Misalnya orang dari suku Seri Lemak di Kuala Pilah masih ada hubungan persaudaraan dengan orang Seri Lemak di Jelebu atau di Rembau atau di mana-mana daerah adat. Tetapi dalam hal ini adalah berlainan pula di Seri Menanti. Di Seri Menanti suku-suku yang mengamalkan Adat Lingkungan adalah:⁶⁵

- i) Batu Hampar (Air Kaki Yang Jernih) termasuk Sungai Layang.
- ii) Tanah Datar (Lingkungan Yamtuan)⁶⁶ termasuk Tanah Datar Gunung Pasir dan Kampung Pauh.
- iii) Seri Lemak Pahang (Lingkungan Yamtuan) termasuk Bukit Tempurung.
- iv) Seri Lemak Minangkabau (Lingkungan Yamtuan)
- v) Tiga Batu (Lingkungan Yamtuan) termasuk Kampung Buyau dan Tanjung Beringin.
- iv) Anak Acheh.⁶⁷

⁶⁵

M.B. Hooker, *Adat Laws.*, h.121; Temubual dengan Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof, di Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti pada 23.7.1986.

⁶⁶

Lingkungan Yamtuan bermaksud kawasan kota Istana atau kawasan yang di bawah tadbir Yamtuan; Keterangan dari temubual dengan Datuk Besar Meon b. Abu Bakar, di Kampung Buyau, Seri Menanti pada 3.11.1986.

⁶⁷

Suku Anak Acheh tidak termasuk dalam kajian penulis kerana tidak termasuk dalam Lingkungan Yamtuan.

Kalau menurut Hooker, beliau membahagikan suku Lingkungan kepada dua bahagian atau kumpulan. Kumpulan yang pertama sama seperti enam suku yang tersebut di atas, tetapi beliau menambah lagi kumpulan kedua sebagai berikut: ⁶⁸

- i) Seri Lemak Pahang (Senaling)
- ii) Seri Lemak Minangkabau (Peraku)
- iii) Batu Hampar Empat Puloh (Pelangai)
- iv) Tanah Datar (Gunung Pasir)
- v) Batu Hampar (Telapak)
- vi) Batu Hampar (Kampung Tengah)

Menurut Hooker suku-suku daripada kumpulan yang kedua ini merupakan suku yang mempunyai 'hubungan yang rapat' dengan Seri Menanti, walaupun kawasan-kawasan tersebut sebenarnya terletak di luar lingkungan Seri Menanti. Pada pendapat penulis kumpulan yang kedua ini juga mengamalkan Adat Lingkungan tetapi agak terkemudian jika dibandingkan dengan masyarakat Seri Menanti sendiri. Dalam kata lain masyarakat Seri Menanti lebih dahulu mengamalkan Adat Lingkungan berbanding dengan masyarakat yang digolongkan oleh Hooker sebagai kumpulan yang kedua itu.

68

Nama dalam 'kurungan' adalah nama tempat (kampung);
Lihat M.B. Hooker; Adat Laws., h.121.

Bagaimanapun tumpuan hanya akan diberi kepada kumpulan pertama di atas kerana kumpulan tersebut terletak dalam kawasan Seri Menanti yang lebih dikenali sebagai suku Lingkungan Istana yang mengamalkan Adat Lingkungan.⁶⁹

Adat yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti tidaklah melangkaui batasan ke daerah-daerah lain kerana ia hanya diamalkan di kalangan penduduk di kampung-kampung tertentu sahaja. Misalnya orang dari suku Tiga Batu Seri Menanti (Kampung Buyau dan Kampung Tanjung Beringin) tidaklah sama adat mereka dengan orang dari suku yang sama baik di Rembau, Jelevu atau di mana-mana daerah adat. Tetapi sekiranya orang dari suku Tiga Batu Seri Menanti berhijrah ke daerah luar serta menetap dan berkeluarga di sana, masih dianggap mempunyai hubungan persaudaraan dengan masyarakat di daerah asal mereka yakni di Seri Menanti.⁷⁰

Dari segi sistem ekonomi Seri Menanti, sumber yang paling pokok ialah tanah dan sawah serta kampung halaman. Tanah merupakan sumber kegiatan pertanian masyarakat adat ini dengan mengusahakan tanaman padi

⁶⁹ Perlu diberi perhatian di sini bahawa suku-suku dalam kumpulan kedua itu juga mengamalkan Adat Lingkungan, tetapi kawasan-kawasan tersebut terletak di luar lingkungan Seri Menanti dan oleh sebab itu tidak termasuk dalam konteks kajian penulis.

⁷⁰ Temubual dengan Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof, di Bukit Tempurung, Seri Menanti pada 23.7.1986.

sawah di kawasan yang kecil luasannya dan cuma cukup untuk menampung keperluan anggota keluarga sahaja. Dari segi adat, keluasan tidaklah penting, yang mustahak seseorang itu ada tanah untuk tapak rumah, tanah untuk bersawah dalam sejanjang dua dan tanah untuk kubur bila mati. Tegasnya penduduk Seri Menanti adalah rakyat jelata dari golongan petani biasa yang hidup secara sederhana. Kehidupan mereka sama seperti petani-petani dan rakyat jelata di tempat lain, walaupun mereka tinggal di sekeliling tempat bersemayamnya raja negeri.

Salah satu fenomena sosial yang umum dalam masyarakat Minang termasuklah di Seri Menanti sendiri ialah wujudnya institusi merantau. Anak-anak muda khususnya lelaki digalakkan oleh masyarakat untuk keluar meninggalkan kampung halaman untuk mencari rezeki dan mengadu nasib ke bandar atau ke tempat-tempat lain. Biasanya setelah puas merantau mereka akan kembali semula ke kampung dengan membawa sedikit sebanyak 'harta' yang dicari selama ini. Namun ada juga yang terus menetap di perantauan dan berumahtangga di sana.

Dari segi nilai keagamaan, masyarakat adat juga turut membicarakan soal-soal peraturan hidup di dunia dan akhirat. Adat bersifat relatif tetapi agama adalah bersifat mutlak sebagaimana kata perbilangan adat:

Adat bersendi hukum
 Hukum bersendi kitabullah
 Syara' mengata, adat menurut.

Demikianlah masyarakat di sini memelihara dan mempraktikan sistem adat mereka dari semasa ke semasa demi menjaga keharmonian dan kestabilan hidup di dalam keluarga, perut, kampung, suku dan masyarakat keseluruhannya yang secara idealnya amat lengkap sekali. Keseluruhan prinsip hidup sistem adat ini wujud dan tercipta dalam bentuk ungkapan kata-kata lisan yang tersusun indah dan dianggap sebagai kata-kata pusaka yang dipanggil perbilangan adat.

D. Latarbelakang Pembentukan Institusi Adat

Istilah 'Adat' dalam ertikata yang sebenarnya membawa makna yang luas dan pengertian yang amat mendalam. Apa yang dimaksudkan dengan adat itu bukan sahaja tatatertib dan peraturan-peraturan yang hanya bersangkutan paut dengan kebiasaan-kebiasaan dan kelaziman-kelaziman yang kecil seperti adat bercukur, adat bersopan santun, perkahwinan dan seumpamanya lagi; malah ia juga dimaksudkan kepada segala peraturan daripada yang sekecil-kecilnya hingga yang sebesar-besarnya, termasuklah undang-undang yang bersangkutan paut dengan pentadbiran dan pemerintahan negeri. Menurut Haji Mohd. Din b. Ali:

Istilah Adat Melayu sering mengelirukan atau salah faham, semata-mata beerti kelaziman, kebiasaan dan tradisi orang Melayu. Ini sebahagian besarnya tidak benar. Adat ialah institusi di mana undang-undang dan kebiasaan mengatur sosial, politik dan corak perlembagaan bagi pemerintah hari itu. Undang-undang itu adalah melahirkan pepatah-pepatah yang sangat lama dan bernilai.⁷¹

Dalam konteks ini saya akan membincangkan dua adat utama yang diamalkan oleh kebanyakan masyarakat hari ini iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung sebagai asas untuk menerangkan Adat Lingkungan yang di amalkan di Seri Menanti. Kedua-dua adat tersebut di katakan berasal dari Negeri Minangkabau yang terletak di sebelah Barat Pulau Sumatera, Indonesia, sebagaimana pantun berikut:⁷²

Akan hilir ke Inderagiri
Semalam di Padang Panjang
Di mana adat mula berdiri
Di Perianggan Padang Panjang.⁷³

Apabila berbicara mengenai soal adat maka seharusnya dinilai pengertiannya sejauh yang mungkin. Saya mengatakan demikian kerana bukan sahaja perlu difahami istilah adat itu yang sebenarnya tetapi juga

⁷¹ Mohd. Din b. Ali, "Malay Customary Law/Family", Intisari, MSRI, Singapura, Vol.11, No. 4, 1963, h. 34.


⁷² Abdul Rahman Mohammad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964, h. 21.

⁷³ Perianggan Padang Panjang ialah nama sebuah tempat di Minangkabau.

perlu menganalisa bagaimanakah wujudnya adat yang selama ini sangat 'dibangga-banggakan' dan dihormati. Apakah ia wujud bersama-sama lahirnya manusia ataupun ia diwujudkan kemudian oleh manusia yang pada hakikatnya amat memerlukan peraturan hidup.

Sebagaimana yang diketahui umum, manusia pada hakikatnya merupakan manusia yang hidup bersama dengan manusia yang lain. Tegasnya di sini manusia adalah makhluk sosial. Analisa mengenai manusia sebagai makhluk sosial yang demikian itu telah banyak dilakukan oleh para ahli falsafah beberapa abad yang lalu. Aristotle misalnya mengatakan bahawa manusia adalah makhluk sosial; atau manusia adalah manusia kerana keterikatannya dalam suatu lingkungan sosial tertentu. Justeru itu manusia tidak dapat berkembang selengkapnya tanpa memenuhi syarat biologis dan psikologis yang mengharuskan mereka hidup bersama. Seorang ahli Psikologi yang terkenal bernama Abraham Maslow pernah mengemukakan teorinya mengenai keperluan asas manusia sebagai berikut: ⁷⁴

⁷⁴ Arifin Haji Zainal, "Motivasi dan Perlakuan Kerja di dalam Organisasi", Seminar Pegawai-pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan Malaysia, 1981, h.8.



Rajah 1: Teori Hiraki Keinginan Maslow

Saya mengemukakan teori tersebut kerana kelima-lima kumpulan keinginan dalam teori tersebut adalah diperlukan oleh manusia sepanjang masa dan untuk memenuhi keperluan asas itu manusia harus melakukan hubungan dengan manusia yang lain. Dalam kehidupan bersama manusia, masing-masing akan menghubungkan sikapnya serta tingkahlaku dan perbuatannya dengan sikap, tingkahlaku dan perbuatan orang lain. Di dalam pergaulan hidup manusia terdapat sejumlah nilai yang merupakan pedoman untuk bertingkahlaku. Setiap perbuatan itu merupakan refleksi dari sikap yang bersumber pada nilai-nilai tersebut. Sekiranya perbuatan atau tingkahlaku tersebut diterima oleh masyarakat maka ia dilakukan berulang-ulang dan akhirnya melahirkan kebiasaan yang diterima dan diakui oleh masyarakat. Selanjutnya pola-pola perlakuan itu akan diikuti sehingga kebiasaan itu tidak sahaja merupakan cara untuk bertingkahlaku tetapi telah menjadi pedoman untuk bertingkahlaku bagi para anggota masyarakat yang disebut sebagai aturan tingkahlaku.⁷⁵

⁷⁵ Soleman Biasane Taneko S.H., Dasar-dasar Hukum Adat dan Ilmu Hukum Adat, Penerbit Alumni, Bandung, 1981, h.9-10.

Dengan demikian kebiasaan itu telah menjadi suatu standard takaran atau skala yang terdiri dari katagori tingkahlaku yang menyangkut segala peraturan sosial yang berhubung dengan tingkahlaku masyarakat dan mencakup peraturan dari keseluruhan aspek hidup manusia. Justeru sebagai makhluk sosial, manusia melahirkan sifat-sifat mereka dengan mencipta satu organisasi yang memandu dan mengawal kelakuan mereka dalam berbagai-bagai cara.⁷⁶ Dengan organisasi ini, masyarakat membebas dan menghadkan aktiviti-aktiviti manusia, mengadakan ukuran-ukuran untuk mereka ikuti dan kekalkan. Telah dinyatakan oleh Aristotle bahawa manusia adalah sejenis makhluk sosial kerana terbukti dalam refleksi manusia pada masyarakat sejak zaman permulaan pemikiran yang menunjukkan betapa tidak baiknya bagi manusia tinggal keseorangan. Manusia bergantung kepada masyarakat untuk mengisi pemikirannya, mimpi-mimpinya, cita-citanya malah segala-gala yang diperlukannya. Kelahirannya dalam masyarakat membawa bersama-sama keperluan yang mustahak bagi masyarakat itu sendiri.⁷⁷ Kemanusiaan yang normal mestilah mempunyai penghubung-penghubung sosial untuk menjadikan kehidupan ini lebih bererti.

Dengan keterangan-keterangan tersebut dapat

⁷⁶ R.M. Maciver & Charles H. Page, Masyarakat: Satu Analisa Permulaan, trans. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, h. 5

⁷⁷ Ibid., h. 11

menggambarkan bahawa ^{manusia} /itu tidak dapat berdiri sendiri; maka dengan itu wujudlah masyarakat. Untuk membentuk masyarakat yang harmoni maka manusia perlukan peraturan-peraturan tertentu sebagai pedoman untuk bertingkah laku. Ekoran daripada itu dapatlah dirumuskan bahawa dari sini manusia mula membentuk hukum-hukum atau undang-undang tertentu yang diterima oleh ahli masyarakat. Dalam masyarakat primitif yang serba kekurangan memungkinkan mereka membentuk peraturan-peraturan yang tidak bertulis atau lisan, tetapi menjadi pegangan mereka dari satu generasi ke satu generasi. Dengan itu penulis membuat tanggapan bahawa adat-adat yang kita amalkan hari ini merupakan satu-satunya peraturan masyarakat Melayu yang diperturunkan dari generasi-generasi yang terdahulu.

Adat apabila diterjemahkan dalam bahasa beerti 'kebiasaan'. Kebanyakan pengkajian berhubungan dengan soal ini cuba membezakan antara adat dan hukum adat. Namun kedua-duanya adalah saling berkaitan antara satu sama lain. Seorang pengkaji Ilmu Hukum di Indonesia, Soekanto telah menyatakan bahawa secara teoritis adalah sulit untuk membezakan antara hukum adat dengan adat kerana antara gejala hukum adat dengan adat saling berkait dengan eratnya.⁷⁸

⁷⁸

Soerjono Soekanto, Kedudukan dan Peranan Hukum Adat di Indonesia, Penerbit Kurnia Esa, Jakarta, 1982, h. 33 - 36, passim.


Menurut beberapa sarjana Indonesia, antaranya Bushar Muhamad dan Van Dijk,⁷⁹ keduanya telah bersetuju menerima terjemahan hukum adat berdasarkan dari bahasa Belanda 'Adatrecht'. Istilah hukum adat menurut para sarjana tidaklah dikenali dalam masyarakat sebaliknya di dalam masyarakat hanya dikenal dengan kata adat sahaja.⁸⁰ Dengan demikian kita membuat kesimpulan bahawa kedua-dua istilah tersebut tidak mempunyai banyak perbezaan tetapi saling kait antara keduanya.

Pada hakikatnya hukum adat bersifat tidak tertulis. Sehubungan dengan ini, maka hukum adat mempunyai sifat yang mudah untuk menyesuaikan diri sehingga hukum adat itu akan mengalami perubahan. Perubahan itu tidak dilakukan dengan cara menghapuskan dan menggantikan aturan-aturan yang ada dengan yang lain secara spontan, akan tetapi perubahan itu akan terjadi kerana pengaruh dari situasi-situasi tertentu dalam proses kehidupan masyarakat. Setiap masyarakat secara pasti akan mengalami perubahan, demikian juga dengan hukum yang berlaku dalam masyarakat.

⁷⁹ Bushar Muhammad, Asas-asas Hukum Adat (Suatu Pengantar), Pradnya Paramita, Jakarta, 1983, h.9; Van Dijk, Pengantar Hukum Adat Indonesia, Penerbit Sumur Bandung, 1982, h.9 - 13, passim.

⁸⁰ Soleman Biasane Taneko S.H., Dasar-dasar Hukum Adat., h. 13

Menurut Soleman, proses terwujudnya hukum adat ini dipengaruhi oleh unsur agama, sehingga turut memberi corak terhadap pola-pola perikelakuan masyarakat. Beliau menggambarakannya dalam bentuk suatu rajah sebagai berikut:⁸¹



Rajah 2: Proses Kewujudan Hukum Adat

Pandangan Soleman ini adalah agak mengelirukan jika dilihat pada kenyataan beliau yang mengatakan bahawa unsur asli itu adalah bahagian terbesar berbanding dengan unsur agama yang cuma sebahagian kecil daripada keseluruhan hukum adat. Kenyataan tersebut hanya dapat diterima sekiranya dihubungkan dengan situasi masyarakat pada peringkat awal penerimaan pengaruh Islam. Tetapi keadaan berubah setelah pengaruh Islam meluas dalam masyarakat di mana unsur agama itu menjadi sebahagian besar dalam hukum adat. Malahan kita dapati wujud penyesuaian antara adat dan agama tanpa adanya

⁸¹ *ibid.*, h.26

pertentangan, seperti kata perbilangan adat: ⁸²

Adat bersendi syara'
Syara' bersendi Kitabullah

Pada Adat menghilangkan yang buruk
menimbulkan yang baik,
Pada syara' menyuruh berbuat baik
meninggalkan berbuat jahat.

Walau bagaimanapun sehubungan dengan unsur yang dinyatakan oleh Soleman tadi (khususnya unsur asli) maka dapat dinyatakan bahawa hukum adat merupakan hukum yang memuatkan unsur tradisi. Maksudnya di sini bahawa hukum adat bersifat turun temurun. Menurut Van Dijk:

Hukum adat demikian juga adat berpangkal pada kehendak nenek moyang yang biasanya didewa-dewakan dan adat dianggap pula bersendi pada kehendak nenek moyang. Kerana itu menarik perhatian jugalah, bahawa peraturan-peraturan hukum adat umumnya oleh rakyat dianggap berasal dari nenek moyang yang lagendaris (hanya ditemui dalam cerita orang-orang tua).

Suatu contoh yang terkenal adalah sebagai berikut: Menurut riwayat, dua orang bersaudara tiri, Datuk Katumanggungan dan Datuk Perpatih Nan Sebatang, adalah dua orang pahlawan Minangkabau. Menurut kepercayaan rakyat, dari merekalah berasal peraturan ketertiban hidup..⁸³

Selanjutnya Van Den Berg mengemukakan teori Receptio in Complexu. Menurut teori ini adat istiadat

⁸² Abdul Ghani Shahmaruddin, "Adat Perpatih Negeri Sembilan Patutlah dikaji Dengan Teliti", Dewan Masyarakat, Jil.1, bil. 1, Jun 1964, h. 24.

⁸³ Van Dijk, Pengantar Hukum Adat Indonesia., h. 10

dan hukum (termasuk hukum adat) suatu masyarakat adalah resepsi (penerimaan) seluruhnya dari agama yang dianut oleh masyarakat yang berhubungan.⁸⁴ Latarbelakang dari teori ini adalah bahwa apabila suatu masyarakat telah memeluk sesuatu agama, maka harus mengikuti hukum-hukum (ajaran) agama dengan setia. Misalnya apabila suatu masyarakat memeluk agama Islam, maka adat istiadat dan hukum yang berlaku pada masyarakat itu adalah adat istiadat dan hukum Islam. Secara logis teori Van Den Berg ini mengandung ketepatan, namun secara empiris teori tersebut tidak sesuai dan mendapat tentangan hebat. Dalam hal ini Soleman mengambil contoh pada masyarakat Islam Lampung Papedon mengenai soal waris. Pendekatan ini juga boleh kita gunakan pada masyarakat Minangkabau di Seri Menanti yang mengamalkan Adat Lingkungan dan masyarakat sekitarnya yang mengamalkan Adat Perpatih. Walaupun mereka merupakan masyarakat yang seratus peratus beragama Islam namun persoalan tentang pembahagian "harta pusaka" misalnya tidaklah sebagaimana yang diatur dalam Al-Quran.⁸⁵ Ini menunjukkan bahwa teori Van Den Berg sememangnya sukar

84

Djaren Saragih S.H, Pengantar Hukum Adat Indonesia, Penerbit Tarsito, Bandung, 1980, h.8; Soleman Biasane Taneko S.H., Dasar-dasar Hukum Adat., h.27.

85

Keterangan lanjut mengenai konsep pusaka adat sila lihat Appendix I.

diterima kerana kebenarannya hanya bergantung kepada ketentuan-ketentuan yang terdapat dalam sesuatu masyarakat. Namun demikian kita tidak dapat menyangkal bahawa terdapat bahagian-bahagian yang dipengaruhi oleh agama yang dianuti oleh sesebuah masyarakat itu. Misalnya dalam Adat Lingkungan walaupun pembahagian harta pusaka tidak dapat diterima sebagai pembahagian mengikut syarak, namun dalam aspek perkahwinan adalah mengikut ketentuan syarak. Ini bermaksud perkahwinan endogami atau dalam suku yang sama adalah dibenarkan oleh masyarakat Adat Lingkungan.

Kembali kita membicarakan tentang dua orang pengasas adat dalam sejarah Minangkabau yang disebut oleh Rusli Amran sebagai 'grand old man' yang sangat popular dalam masyarakat adat. Mereka tidak lain dari Datuk Katumanggungan dan Datuk Perpatih Nan Sebatang. Menurut cerita, kedua-dua mereka inilah yang mengasaskan sendi-sendi hidup masyarakat Minangkabau. Mereka mempunyai pandangan tersendiri dalam hal pemerintahan dan adat serta mempunyai kelompok pengikut tersendiri. Sebenarnya agak sukar untuk meneliti secara pasti mengenai asal usul mereka kerana kebanyakan sumber-sumber mengemukakan gambaran yang kurang jelas. Kalau kita ambil Kaba atau Tambo sebagai sumber, mereka hidup dalam abad 12 atau 13. Tetapi mungkin juga sewaktu

agama Islam telah banyak dianuti oleh masyarakat Minangkabau (abad ke 16) atau sesudah Belanda datang di pesisir Sumatera Barat sekitar akhir abad ke 17. Malah menurut Tambo yang pernah dibaca oleh Hamerster, riwayat kedua Datuk itu dapat pula ditaksirkan terjadi dalam abad 18.⁸⁶

Lagenda mengenai kedua Datuk ini tidak perlu diperdalamkan lagi, tetapi cukuplah untuk diketahui bahawa menurut anggapan masyarakat merekalah yang membawa sistem peraturan dan adat istiadat yang dipakai sampai sekarang; pembahagian suku-suku dan juga sistem demokrasi. Mereka dikatakan dua orang adik beradik yang seibu tetapi berlainan bapa.⁸⁷ Mereka telah mewarisi pusaka memerintah negeri Minangkabau. Datuk Katumanggungan adalah saudara tua yang berkuasa dalam Laras Koto Piliang dan Datuk Perpatih dalam Laras Bodi Caniago. Datuk Perpatih dikatakan 'lebih cerdik dan bijak' dari abangnya sebagaimana menurut perbilangan adat.⁸⁸

Siapa cerdik bijaksana
Pertama Datuk Perpatih
Kedua Datuk Temenggung
Yang mengetahui jalan dua terepar

⁸⁶ Rusli Amran, Sumatera Barat Hingga Plakat Panjang, Penerbit Sinar Harapan, Jakarta, 1981, h. 54.

⁸⁷ Moktar Md. Dom, Adat Perpatih., h.2.

⁸⁸ *ibid.*

Nenek Perpatih Nan Sebatang
 Pandai melukis cupak dan gantang
 Ulaslah tenun yang terentang
 Penolak buatan dagang.

Jika kita teliti dengan lebih mendalam, perbilangan tersebut sebenarnya tidak begitu jelas dalam menggambarkan kecerdikan Datuk Perpatih. Sebaliknya kedua-dua Datuk boleh dianggap memahami dan mengetahui hal-hal yang berhubung dengan adat.

Menurut seorang bekas residen Sumatera Barat:

Sepintar-pintar ahli adat di Minangkabau tidak akan dapat dengan pasti memberi batas-batas tertentu antara prinsip-prinsip kedua kelompok itu. Tidak lain kerana pemuka-pemuka adat mempunyai pandangan terbatas di dalam negerinya saja atau negeri-negeri berdekatan, 89 tidak mempunyai pandangan yang menyeluruh.

Justeru itu adalah sukar bagi kita untuk menerima kenyataan bahawa berlakunya perbezaan dan pengasingan pengaruh antara kedua-dua kelompok. Maka besar kemungkinan percampuran adat antara keduanya tetap akan berlaku. Apa lagi bagi Seri Menanti yang menjadi daerah rantau Minangkabau, sudah pastilah keadaan yang sama turut berlaku.

Secara popular Adat Perpatih dikatakan lebih demokratis lebih toleran, sedangkan Adat Temenggung lebih otokratis, konservatif dan condong pada agama.

Atau menurut pepatahnya, 'Koto Pilliang jatuh ke agama, siapa membunuh - siapa dibunuh; Bodi Caniago jatuh ke adat, hilang dicari, lapuk diganti.'⁹⁰ Bagi Datuk Katumanggungan beliau lebih mengutamakan cara pemerintahan dari atas sedangkan Datuk Perpatih amat mementingkan cara pemerintah dari bawah. Datuk Katumanggungan lebih suka memerintah dengan bertitah, tetapi Datuk Perpatih lebih suka memerintah dengan berunding. Tegasnya cara pentadbiran dan pemerintahan yang dijalankan oleh Datuk Katumanggungan dan Datuk Perpatih amat bertentangan. Datuk Katumanggungan lebih berpegang teguh kepada peraturan Agama dalam membahagikan harta pusaka iaitu lelaki mendapat lebih banyak bahagian dari perempuan, sedangkan Datuk Perpatih menyerahkan segala harta pusaka kepada anak perempuan sahaja.

Dalam soal jenayah Datuk Katumanggungan berkata:⁹¹

Siapa menjala siapa terjun
Siapa berhutang siapa membayar
Siapa bersalah siapa bertimbang
Siapa membunuh siapa kena bunuh

Tetapi bagi Datuk Perpatih beliau mengatakan:⁹²

Hutang nan berturut
Cagar nan bergadai

⁹⁰
ibid., h. 59

⁹¹ Mohtar Md. Dom, Adat Perpatih., h.3

⁹²
ibid.

Cincang pampas
 Bunuh beri balas
 Salah bertimbang
 Sah hutang dibayar
 Sah piutang diterima
 Sesat di hujung jalan
 Balik ke pangkal jalan.

Bagi Datuk Temenggung setiap orang yang melakukan kesalahan mestilah dihukum dengan sewajarnya, tetapi bagi Datuk Perpatih kesalahan mesti diperbaiki dengan adil dan saksama serta dengan penuh teliti. Ternyata disini pandangan Datuk Temenggung adalah lebih bersifat individu berbanding dengan Datuk Perpatih yang bersifat kolektif. Disebabkan oleh pertentangan pendirian inilah mereka berdua sentiasa berselisih faham hingga negeri Minangkabau terbahagi dua; Datuk Katumanggungan berkuasa di bahagian pesisir dan Datuk Perpatih memerintah di Pendalaman (sebelah Barat).⁹³ Kedua-dua laras ini sering terjadi perselisihan atau 'perang'adat'. Westenench dalam bukunya 'De Minangkabausche Nagarie', menulis tentang cerita yang didengarnya dari Datuk Marajo Kayo dari Sumanik, bahawa pertentangan pernah terjadi antara kedua Datuk tersebut hingga akhirnya Datuk Katumanggungan terpaksa pindah dan memerintah di daerah Jambi.⁹⁴ Daripada versi-versi tradisi terdapat

⁹³ ibid.

⁹⁴ Rusli Amran, Sumatra Barat., h. 60.

perbilangan adat yang menyebutkan sebagai berikut:

Maka turutlah Dato Seri Maharaja di Raja
Membawa penghulu yang dua silai
Iaitu Datuk Temenggung dan Datuk Perpatih
Turun ke laut ke Bandar Rokan
Tempat perahu yang bersusun
Tempat galah yang berselang seli
Di situlah pembahagian Datuk Temenggung
dengan Datuk Perpatih Nan Sebatang
Menghilir ke Kampar Kiri⁹⁵
dan Menghulu ke Kampar Kanan.

Sebagaimana yang dinyatakan tadi, ekor dari pada ketidakselarasan pendapat akhirnya berlaku pembahagian kepada dua kelompok atau laras yang berdasarkan dari empat suku iaitu Koto-Piliang dan Bodi-Caniago. Walau bagaimanapun pembahagian atas dua kelompok ini dengan adatnya masing-masing hanyalah teoritis belaka, kerana tidak ada daerah-daerah yang penduduknya hanya terdiri dari suku Koto-Piliang atau hanya Bodi-Caniago sahaja.

Malahan kalau dilihat dari masyarakat Seri Menanti sendiri atau masyarakat Negeri Sembilan umumnya, tidak ada di antara mereka yang mengamalkan keempat-empat suku tersebut. Adat yang ada sekarang baik di Seri Menanti maupun di Negeri Minangkabau sendiri mengandungi unsur-unsur perpaduan antara kedua adat yang ditinggalkan oleh masing-masing datuk tadi setelah disesuaikan dengan keadaan selama berabad-abad.

⁹⁵

Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, DBP, Kuala Lumpur, 1982.

Tambahan pula kemasukan agama Islam telah membawa pengaruh yang besar pula kepada masyarakat. Josselin de Jong pernah menulis bahawa masyarakat Minang memakai bentuk matrilineal dalam soal-soal sosio-politis dan patrilineal dalam kehidupan agama.⁹⁶ Kenyataan Josselin de Jong ini dapat memberi gambaran kepada kita bahawa tidak mustahil jika keadaan yang sama berlaku dalam masyarakat Seri Menanti.

Menurut J.J. Sheehan dan Abdul Aziz dalam artikelnya mengenai Adat Kuala Pilah menyebutkan antara lain:

...Orang-orang Melayu yang duduk di dalam jajahan Kuala Pilah terbahagi dua, satu pihak mengikut Adat Perpatih dan satu pihak mengikut Adat Temenggung iaitu bangsa raja dan daripada hamba-hamba rakyat yang kadim kepada raja, maka sekalian hamba-hamba rakyat yang lain daripada itu ialah mereka yang memakai Adat Perpatih.⁹⁷

Tidak syak lagi bahawa Adat Temenggung yang dinyatakan oleh J.J. Sheehan dan Abdul Aziz tersebut adalah merujuk kepada adat yang diamalkan oleh suku-suku tertentu dalam masyarakat Seri Menanti sendiri termasuklah keluarga atau kerabat diraja. Manakala M.B. Hooker⁹⁸ pula

⁹⁶ Josselin de Jong, *Minangkabau and Negeri Sembilan.*, h. 45 - 93, *passim*.

⁹⁷ J.J. Sheehan dan Abdul Aziz Khamis, *Adat Kuala Pilah, JMBRAS*, Vol.14, Pt.3, Dec. 1936, h. 190.

⁹⁸ M.B. Hooker, *Adat Laws.*, h.114.

menggunakan istilah 'Adat Lingkungan' untuk merujuk kepada adat yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti. Encik Mohd. Nor pula menolak pandangan-pandangan yang menyebutkan bahawa Adat Lingkungan adalah sama dengan Adat Temenggung kerana terdapatnya perbezaan dalam aspek pembahagian harta.⁹⁹ Penulis juga lebih bersetuju dengan penggunaan istilah 'Adat Lingkungan' memandangkan adat yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti agak unik dan berbeza dari masyarakat sekitarnya.

Menurut Datuk Penghulu Dagang, adat yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti sekarang adalah dibawa oleh Raja Melewar iaitu Yamtuan Seri Menanti yang pertama dijemput dari Pagarruyung. Kenyataan beliau dapat diterima jika kita meninjau kembali sejarah lampau di bumi Minangkabau. Umpamanya M. Rasjid Manggis menyebutkan:

Semasa Datuk Katumanggungan lagi hidup
 beliau menjadi junjung lareh Koto Piliang.
 Setelah meninggal dunia keturunan beliau
 menjadi Daulat Jang di Pertuan di Kaki
 Bukit Batu Patah di Tanjung Medan. Itulah
 Pagarruyung...
 ...dibentuklah Rajo Tigo Selo. Rajo Alam
 beristana di Gudam, Rajo Adat di kampung
 Tangah dan Rajo Ibadat di Balai Djanggo,
 Ketiga-tiganya di dalam Pagarruyung juga.¹⁰⁰

⁹⁹ Temubual dengan En. Mohd. Nor bin A. Hamid, di Kuala Pilah pada 10.10.1986.

¹⁰⁰ M. Rasjid Manggis, Minangkabau., h. 155.

Berdasarkan kenyataan tersebut besar kemungkinan Raja Melewar adalah berketurunan Datuk Katumanggungan ataupun berdarah kerabat di Raja Pagarruyung yang mengamalkan Adat Temenggung.

Tambahan pula jika kita meninjau kembali kepada sejarah pembukaan Seri Menanti kita dapati gelaran dua orang pembesar iaitu Sutan Sumanik dan Sutan Johan Kebesaran yang membuka negeri di Seri Menanti iaitu Tanjung Alam (sekarang bernama Gunung Pasir).¹⁰¹ Melihat pada kedua-dua gelaran tersebut ianya merupakan gelaran pembesar dalam laras Koto Piliang di daerah asal Minangkabau. Menurut sejarah Seri Menanti lagi, Raja Melewar mengahwini anak bungsu Datuk Naam yang bernama Che Sani di Rembau. Dua orang saudara lelaki Che Sani menurut mereka (Raja Melewar dan Che Sani) ke Rembau dengan ditemani oleh dua orang dari suku Tanah Datar (yang juga mempunyai hubungan saudara).¹⁰² Dari sini jugalah wujudnya gelaran-gelaran Orang Empat Istana (akan dibincangkan dalam bab dua). Keempat-empat mereka dikatakan berasal dari Koto Piliang belaka. Sebagaimana yang diperbicarakan pada peringkat awal tadi Koto Piliang merupakan pelarasan Datuk Katumanggungan.

¹⁰¹ Sila lihat halaman 17.

¹⁰² Abdul Samad Idris, *Takhta Kerajaan.*, h. 18.

Justeru itu kita dapat membuat tanggapan bahawa pengaruh Adat Temenggung telah bertapak di Seri Menanti sejak lama dahulu iaitu dapat dikaitkan dengan sejarah pembukaan Seri Menanti.

Sebaliknya menurut pandangan En. Mohd. Nor, Masyarakat Adat Lingkungan berasal dari masyarakat suku 12 yang menderhaka kepada penghulu masing-masing. Dengan itu golongan tersebut lari (keluar) dari suku asal mereka dan meminta perlindungan Raja atau Yamtuan. Setelah diterima oleh Yamtuan mereka dikatakan membentuk masyarakat sendiri yang mengamalkan Adat Lingkungan.¹⁰³ Kenyataan tersebut hanya benar apabila dirujuk kepada suku-suku pendatang yang terkemudian dalam Adat Lingkungan iaitu masyarakat dari luar lingkungan Seri Menanti¹⁰⁴ kerana masyarakat Adat Lingkungan Seri Menanti telah wujud lebih awal dari itu.

Pada keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa masyarakat Adat Lingkungan Seri Menanti memang telah lama wujud. Pada peringkat awal, masyarakat Seri Menanti mungkin dipengaruhi oleh Adat Perpatih, tetapi

¹⁰³ Temubual dengan En. Mohd. Nor bin A. Hamid, di Kuala Pilah pada 10.10.1986.

¹⁰⁴ Sila lihat halaman 44 iaitu berhubung dengan pembahagian yang dibuat oleh Hooker (sila rujuk kumpulan kedua)

kemudian apabila kedatangan Raja Melewar dari Pagarruyung baginda membawa sistem patrilineal. Justeru itu seolah-olah berlaku satu percampuran adat. Lebih-lebih lagi baginda menarik anggota masyarakat Adat Perpatih menjadi anggota kumpulan baginda yang dikenal sebagai Air Kaki dan Air Kaki Lingkungan untuk membantu dalam hal ehwal adat istiadat Istana.

Dalam aspek amalan adat ini kita tidak dapat menafikan perubahan seringkali terjadi mengikut detik masa, terutama untuk menyesuaikan dengan keadaan tempatan. Justeru itu tidak mustahil kiranya Adat Lingkungan wujud dari pengubahsuaian Adat Perpatih dan Adat Temenggung serta dihubungkaitkan dengan agama Islam sendiri.

E. Ciri-ciri Khas Adat Lingkungan

Institusi Adat Lingkungan yang menjadi fokus kajian penulis adalah khusus kepada masyarakat Seri Menanti yang dikenal sebagai Air Kaki dan Air Kaki Lingkungan. Sebenarnya adalah sukar untuk menerangkan dengan jelas institusi Air Kaki tersebut dan terdapat berbagai pendapat berhubung dengan sejarah kewujudannya.

Tetapi secara umumnya adalah dipercayai bahawa Air Kaki¹⁰⁵ bermula dengan pengangkatan Yamtuan Pertama, Raja Melewar (1773 - 1795) di Seri Menanti. Menurut Dr. Nordin Selat, untuk mengikat perhubungan antara Raja yang memerintah masyarakat Adat Perpatih, baginda dikahwinkan dengan "dua orang gadis adik beradik dari sebuah perut" suku Batu Hampar.¹⁰⁶ Sementara itu dua anggota lelaki dari perut itu pula dilantik menjadi pegawai Istana iaitu Sri Amar di Raja dan Raja Diwangsa (dua daripada Orang Empat Istana).¹⁰⁷ Orang Empat Istana merupakan jawatan yang tertinggi sekali bagi orang-orang yang tidak berdarah raja.

Air Kaki Batu Hampar dikatakan mempunyai hubungan yang lebih rapat (hampir) dengan Yamtuan dan ia juga disebut sebagai Batu Hampar Air Kaki Yang Jernih. Golongan ini (yang ringkasnya disebut Air Kaki) mempunyai hak mutlak kepada dua jawatan Orang Empat

¹⁰⁵ Menurut cerita, perkataan Air Kaki terbit ketika empat orang saudara Che Sani pergi ke Istana Raja Melewar di kampung Penajis, Rembau, yang pada kebetulan hari itu telah gelap. Mereka mengendap di bawah tempat Raja Melewar bersemayam dan ketika baginda membasuh kakinya maka terkenallah simbahan air tersebut kepada 4 orang yang sedang mengendap itu. Lihat A. Samad Idris, Takhta Kerajaan., h. 18.

¹⁰⁶ Dua gadis itu dipercayai Inche Sani & Inche Jangka; Lihat R.J. Wilkinson, Seri Menanti., h. 376; Fersalannya adalah mustahil bagi baginda mengahwini dua orang gadis adik beradik kerana ia adalah menyalahi adat dan syarak. Pada pandangan penulis Raja Melewar mengahwini 2 orang gadis dari berlainan perut memandangkan Inche Sani dan Inche Jangka bukanlah adik beradik seperti: atau "berganti fikir" (berkahwin dengan kakak/adik jika salah seorang meninggal dunia)

¹⁰⁷ Nordin Selat Sistem Sosial., h. 59

Istana yang dinyatakan tadi. Pada segi adatnya tiap-tiap Yamtuan mesti berkahwin dengan gadis dari Air Kaki yang akan bergelar Inche Puan.¹⁰⁸ Tujuannya ialah untuk mewujudkan raja yang berjiwa rakyat seperti kata perbilang:

Darah setitik daripada keadilan
Daging sekeping dari Air Kaki.¹⁰⁹

Tetapi kenyataannya perkahwinan lebih berkisar dalam lingkungan kerabat di raja sendiri.

Air Kaki Lingkungan pula adalah individu-individu dan perut-perut dari lima suku iaitu Batu Hampar, Tanah Datar, Tiga Batu, Seri Lemak Minangkabau dan Seri Lemak Pahang.

¹⁰⁸ Tiap-tiap Yamtuan dikatakan mesti berkahwin dengan gadis Air Kaki ini ekoran daripada perkahwinan Raja Melewar (Raja Seri Menanti yang pertama) dengan gadis dari Suku Batu Hampar Sungai Layang (pada masa itu belum wujud istilah Air Kaki). Setelah perkahwinan itu mewujudkan hubungan yang rapat antara Raja dan Suku Batu Hampar menyebabkan suku Batu Hampar Sungai Layang disebut Air Kaki Yang Jernih. Isteri pertama Raja Melewar itu ialah Inche Sani yang diberi gelaran Inche Puan. Mengikut Adat, tiap-tiap isteri pertama bagi Yamtuan merupakan Raja Perempuan bagi lingkungannya walaupun ia tidak berdarah raja (setaraf dengan Tengku Puan). Ekoran daripada perkahwinan Raja Melewar itu maka raja-raja yang selanjutnya juga digalakkan mesti berkahwin dengan gadis dari Air Kaki. ~~Malahan dinasti di raja Melewar dan Inche Puan Sani.~~ Keterangan dari temubual dengan Datuk Besar Meon b. Abu Bakar, di Kampung Buyau, Seri Menanti pada 3.11.1986.

¹⁰⁹ Nordin Selat, Sistem Sosial., h. 60.

Mereka yang bersuku Tanah Datar mempusakai jawatan Penghulu Dagang dan Akhir Zaman. Selanjutnya orang-orang dari suku Tiga Batu dikatakan Air Kaki Yamtuan Muda Jelebu. Dalam suku Tiga Batu itu mempesakai dua jawatan pembesar iaitu Apit Lempang bagi Orang Empat Istana iaitu Panglima Jaya dan Panglima Garang.¹¹⁰

Bagi orang-orang dari suku Seri Lemak Pahang dan suku Seri Lemak Minangkabau juga dikira tergolong dalam Lingkungan Istana. Suku Seri Lemak Minangkabau mempusakai jawatan Raja Penghulu; Seri Lemak Pahang mempusakai Setia Penghulu dan Seri Lemak Pahang Bukit Tempurung mempusakai jawatan Setia Muda.¹¹¹ Pegawai-pegawai tersebut bersama-sama dengan Raja Menteri dan Hakim Menteri dari suku Batu Hampar; dan Menteri Maharaja dari Suku Tanah Datar disebut sebagai Orang Besar Lingkungan.

R.J. Wilkinson selanjutnya telah memperlihatkan perbedzaan antara Air Kaki dan Air Kaki Yang Jernih. Mengikut keterangan yang rasmi mengenai perbezaan tersebut bahawa yang dikatakan Air Kaki Yang Jernih

¹¹⁰ Apit Lempang merupakan istilah yang diberikan kepada enam orang pembesar Istana yang bertugas sebagai pembantu Orang Empat Istana. Mereka mempunyai gelaran-gelaran tertentu.

¹¹¹ J.J. Sheehan & Abd. Aziz Khamis, Adat Kuala Pilah., h. 199

adalah dihadkan kepada Suku Batu Hampar yang tinggal di Sungai Layang, Seri Menanti; sementara Istilah Air Kaki meliputi keseluruhan suku Batu Hampar yang tinggal berhampiran sekitar Istana.¹¹²

Sungguhpun keseluruhan suku-suku yang tergolong dalam Air Kaki dan Air Kaki Lingkungan pada masa dahulu berkumpul di dalam lingkungan Istana Seri Menanti, namun pada masa kini mereka telah berhijrah ke kawasan-kawasan lain di luar lingkungan Seri Menanti. Mereka dari suku yang lima itu merupakan hamba yang kadim kepada keadilan.¹¹³

Justeru itu mereka hendaklah memelihara Duli Yang Maha Mulia dan Yang Maha Mulia Tunku Ampuan atau Inche Puan serta putera puteri sebagaimana perbilangan adat:¹¹⁴

Jika berdiri tidak terserundak
 Jika berlenggang tidak tersebat
 Jika melangkah tidak tersangkut
 Jika ia berkata tidak terdadek (selang)
 Ke laut jadi apong
 Ke bukit jadi tongkat
 Ke darat jadikan suluh
 Di kampung jadikan tepung tawar
 sedingin.

Satu keistimewaan bagi orang-orang dari Air Kaki Lingkungan ialah, sekiranya mereka hendak mengadakan

¹¹² R.J. Wilkinson, Seri Menanti., h. 376 - 377

¹¹³ Keadilan bermaksud Yang di Pertuan atau Yamtuan.

¹¹⁴ J.J. Sheehan & Abd. Aziz Khamis, Adat Kuala Pilah., h. 201.

olek (kerjakawin) dengan adat beristiadat dan menggunakan alat kebesaran Yamtuan tidaklah dilarang. Akan tetapi hendaklah meminta izin daripada Putera Yang Empat yang akan memohonkan ke bawah DYMM. Menurut ceritanya pada zaman dahulu orang Air Kaki dan Air Kaki Lingkungan berkuasa di atas orang suku 12 sebagaimana perbilangan, 'ke bawah boleh menyeluk, ke atas boleh mencapai'. Akan tetapi pada masa kini kuasa itu telah hilang sungguhpun boleh 'duduk sejajar makan sepinggan' dengan lembaga.¹¹⁵

Gambaran di atas menjelaskan kepada kita bahawa orang dari Air Kaki dan Air Kaki Lingkungan sedikit sebanyak mempunyai pertalian dengan keluarga di raja Seri Menanti. Di samping mereka berperanan dalam mengatur adat dalam masyarakat lingkungan, mereka turut berperanan dalam membantu menyusun atur adat istiadat dalam Istana. Kenyataan ini memperlihatkan sebahagian dari ciri-ciri khas masyarakat Adat Lingkungan yang membezakan mereka dari masyarakat sekitarnya.

¹¹⁵ ibid.

SUMBER AWALAN

Buku Cenderamata Perkahwinan Diraja Negeri Sembilan 1969
YAM Tunku Dara Naquiah puteri DYMM Yang di Pertua Besar
dan Yang Maha Mulia Tunku Ampuan dengan Yang Mulia Tunku
Muzaffar Putera Yang Mulia Tunku Kecil Besar Mustapha
ibni Tunku Besar Burhanuddin.

Enakmen Pemegang Adat Bab 215, Terjemahan Pengarah Tanah
dan Galian, N. Sembilan, 1909.

Enakmen Pemegang Adat (Tanah Lingkungan), Terjemahan
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan, 1960.

Jabatan Ukur Seremban Negeri Sembilan.

Tunku Abdullah (Tunku Panglima Besar), Laporan daripada
Jumaah Istiadat Istana, 7 Januari 1972.

SUMBER PENDUA

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di
Malaysia, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1975.

Abdul Rahman Mohammad, Dasar-Dasar Adat Perpatih,
Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.

Abdul Samad Idris (ed), Takhta Kerajaan Negeri
Sembilan, N.S. Malay Coop, Seremban, 1961.

_____, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968.

_____, Hubungan Minangkabau Dengan Negeri
Sembilan Dari Segi Sejarah Dan Kebudayaannya,
Pustaka Asas Negeri, 1970.

Ali Ahmad, "Pimpinan Dalam Masyarakat Melayu", dalam
Pemimpin Dan Pimpinan, penyusun Hamka,
Pustaka Melayu Baru dan Pustaka Budaya Agency,
Kuala Lumpur, 1973.

Banton, Micheal, Role and Introduction to the Study of
Social Relations, Taviztok Publiction Ltd., London,
1965.

Busha Muhammad, Asas-asas Hukum Adat (suatu
Pengantar), Pradnya Paramita, Jakarta, 1983.

Buyong Adil, Sejarah Negeri Sembilan, (DBP), Kuala
Lumpur, 1981.

- De Moubray G.A de C, Matriarchy In The Malay Peninsular And Neighbouring Countries, George Routledge & Son Ltd, London, 1931.
- Djaren Saragih S,H, Pengantar Hukum Adat Indonesia, Penerbit Tarsito, Bandung, 1980.
- Duke, James T, Conflict and Power in Social Life, Brigham Young University Press, Provo (Utah), 1976.
- Duncan, Mitchell G. (ed.) A Dictionary of Sociology, Routledge & K. Paul, London, 1968, .
- Goulet, Denis A, The Cruel Choice : A New Concept in the Theory of Development, Atheneum, New York, 1971.
- Gullick, J.M, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, trans., DBP, Kuala Lumpur, 1981.
- Hooker, M.B, Adat Laws In Modern Malay, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
- Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan : Socio-political Structure In Indonesia, Martinus Nijhoff's-Gravenhage, Den Hang, 1980.
- Linton, Ralph, The Study of Man : An Introduction, Peter Owen, London, 1936.
- M. Rasjid Manggis (Dt. Radjo Penghulu) Minangkabau: Sejarah Ringkas dan Adatnya, Sri Dharma, Padang, 1970.
- _____, (De. Radjo Penghoeloe), Negeri Sembilan Hubungannya Dengan Minangkabau (Payong Terkembang), Pustaka Sa'adijah, Bukit Tinggi, 1970.
- Maciver, R.M, & Page, Charles H., Masyarakat : Satu Analisa Permulaan, trans. Kuala Lumpur 1972.
- Mochtar Naim, Merantau : Pola Migrasi Suku Minangkabau, Gadjadara University Press, Yogyakarta, 1979.
- Mohtar Md. Dom, Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia, Federal Publication Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1977.
- Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, Penerbit Bulan Bintang, Djakarta, 1971.

- Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1982.
- _____, "The Concept of Leadership in Adat Perpatih Renungan", penyusun Nordin Selat, Utusan Publications & Distributions Kuala Lumpur, 1978.
- Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, DBP, Kuala Lumpur, 1982.
- Rusli Amran, Sumatera Barat Hingga Plakat Panjang, Penerbit Sinar Harapan, Jakarta, 1981.
- Sejarah Raja-Raja dan Adat Istiadat Negeri Sembilan (Tiada nama Pengarang dan Penerbit) Arkib Diraja, 29hb April 1898.
- Soerjono Boekanto, Kedudukan dan Peranan Hukum Adat di Indonesia, Penerbit Kurnia Esa, Jakarta, 1982.
- Soleman Biasane Taneko S.H., Dasar-Dasar Hukum Adat dan Ilmu Hukum Adat, Penerbit Alumni, Bandung, 1981.
- Theodorson, George A & Theodorson, Achilles G, A Modern Dictionary of Sociology, Methuen & Co Ltd, Great Britain, 1970.
- Ting Chew Peh, Konsep Asas Sosiologi, DBP, Kuala Lumpur, 1979.
- Van Dijk, Pengantar Hukum Adat Indonesia, Penerbit Sumur Bandung, 1982.
- Winstedt, R.O, The Malays A Cultural History, Routledge & Keagan Paul Ltd., London, 1961.

SENARAI RESPONDEN

Nama : Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof
 T. Lahir : 1910
 Alamat : Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti,
 N. Sembilan.
 Jawatan : Orang Empat Istana dan Lembaga Suku Tanah
 Datar Lingkungan Air Kaki dengan gelaran
 Datuk Penghulu Dagang.
 Pengalaman : Sebelum beliau memegang jawatan Orang
 Empat Istana dan Lembaga, beliau pernah
 bekerja menjadi "budak suruhan" di Istana.
 Kemudian beliau dilantik sebagai Orang
 Empat Istana dan Lembaga pada tahun 1934
 iaitu semasa pemerintahan DYMM Yang
 di Pertuan Besar N. Sembilan kelapan
 Almarhum Tuanku Abdul Rahman.

Nama : Datuk Panglima Jaya Hassan bin Salleh
 T. Lahir : 1916
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti, N. Sembilan.
 Jawatan : Buapak Suku Tiga Batu Lingkungan Kampung
 Buyau.
 Pengalaman : Beliau pernah memegang jawatan Besar Waris
 Kampung Buyau dengan gelaran Datuk
 Palembang antara tahun 1937 hingga 1967.

Beliau di angkat menjadi Buapak atas kebulatan anak-anak buah kampung tersebut bagi menggantikan Datuk Panglima Jaya Maasar yang telah meninggal dunia pada tahun 1967.

Nama : Tuan Haji Ibrahim bin Jaafar
 T. Lahir : 1919
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti, N. Sembilan.
 Pengalaman : Beliau pernah menjawat jawatan Pegawai 99 dan Besar Waris bagi suku Tanah Datar Lingkungan Air Kaki dengan Gelaran Datuk Seri Maharaja pada tahun 1965 hingga 1983.

Nama : Datuk Besar Meon bin Abu Bakar
 T. Lahir : 23.3.1903
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti, N. Sembilan.
 Jawatan : Apit Lempang Orang Empat Istana dan Lembaga Suku Tiga Batu Lingkungan.
 Pengalaman : Beliau pernah menjadi Pegawai 99 dan Besar Waris Suku Tiga Batu Kampung Buyau antara tahun 1922 hingga 1934 dengan gelaran Datuk Perdana. Pada tahun 1934 beliau di angkat menjadi Buapak dengan gelaran Datuk Panglima Jaya. Semasa pemerintahan Almarhum Yamtuan Tuanku Abdul Rahman beliau telah dilantik sebagai Apit Lempang Orang Empat Istana dan Lembaga Suku Tiga Batu iaitu pada 23.9.1937.

Nama : Tuan Haji Mohd. Nor bin A. Hamid
 T. Lahir : 1929
 Alamat : No. 44, Bt. 26 1/2, Jalan Bahau, Kuala
 Pilah N. Sembilan.
 Pengalaman : Beliau pernah menjawat jawatan Settlement
 Officer merangkap Penolong Pemungut Hasil
 Tanah Kuala Pilah. Beliau telah bersara
 dari jawatan tersebut pada tahun 1983.

Nama : Encik Shamsuddin bin Husin
 T. Lahir : 1907
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti, Negeri
 Sembilan.
 Pengalaman : Beliau pernah memegang jawatan Orang
 Besar di Istana dengan gelaran Datuk
 Kanda Maharaja serta Besar Waris Suku
 Batu Hampar antara tahun 1940 hingga
 1986. Sebagai Datuk Kanda Maharaja
 beliau ditugaskan sebagai pemegang
 Pedang Sebarau Bujang dalam setiap
 upacara perarakan di raja semasa di atas
 Takhta Rencana.

Nama : Yang Amat Mulia Tunku Alang Astor bin
 Tunku Sharif
 T. Lahir : 29.9.1921

Jawatan : Anak Raja Bergelar Merangkap jawatan
Penyelia Adat.

Pengalaman : Beliau telah dilantik sebagai Penyelia
Adat pada tahun 1976 oleh DYMM Yang
di Pertuan Besar Tuanku Jaafar. Sebagai
Penyelia Adat, beliau memainkan peranan
penting dalam setiap upacara perlantikan
pemimpin Adat Lingkungan khususnya
Lembaga, Orang Empat Istana dan Buapak.

APPENDIX I

Konsep Pusaka Adat

Mengikut Adat Perpatih, meskipun hakmilik mewarisi tanah pusaka adat ditentukan kepada pihak perempuan, tetapi ia sebenarnya adalah untuk menjamin tanah tersebut menjadi hak waris yang berterusan sehingga pada masa-masa akan datang. Walaupun dikatakan hakmilik diberi kepada perempuan tetapi mereka hanya mempunyai kuasa hak pakai sahaja, "genggam yang berumpuk" tidak boleh dijual atau digadai. Harta itu tetap kepunyaan suku.

Takdirnya meninggal seorang ibu, tanah pusaka adatnya akan berpindah milik kepada anak perempuan dan apabila anak itu meninggal pula tanah itu akan berpindah milik kepada anak perempuan juga dan demikianlah seterusnya. Jika simati tiada mempunyai anak perempuan, harta itu akan berpindah pula kepada waris perempuan yang dekat. Jika tiada kadim yang dekat maka baharulah berpindah pula kepada kadim yang jauh dalam suku itu, sebagaimana menurut kata perbilangan adat:

bermula kepada waris nan sejengkal
kemudian waris nan sehasta
lepas itu barulah waris nan sedepa.

Sekiranya masih tidak ada waris perempuan yang layak ataupun tidak ada siapa lagi yang berhak menerima dalam suku itu maka tanah tersebut dipulangkan kepada Penghulu atau Undang dan dinamakan 'pusaka tergantung'.

Walaupun anak lelaki dikatakan tidak menuntut tanah pusaka adat, tetapi ia boleh mengambil hasil dari tanah itu selama hayatnya terutama apabila ia tidak mempunyai saudara perempuan. Malah dalam keadaan-keadaan tertentu adalah dibenarkan jika ia (anak lelaki) meminta namanya ditulis di bahagian belakang geran tanah tersebut sebagai pemakan hasil. Tetapi apabila ia meninggal dunia, tanah itu secara automatik kembali semula kepada sekadim perempuan yang mempunyai hakmilik ke atas tanah tersebut.

Kelonggaran ini adalah merupakan satu jaminan hidup kepada saudara lelaki sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini pada masa tuanya seperti kematian isteri atau jatuh miskin sehingga tidak ada tempat hendak bergantung. Dalam masyarakat adat, saudara lelaki itu tidak akan terbuang atau diabaikan oleh saudara perempuan sebagaimana menurut kata perbilangan adat:

Saudara lelaki itu cicir dipungut
hilang dicari
rugi-laba isteri yang punya
nyawa darah waris yang punya
sebusuk-busuk daging
dibasuh dikincah dimakan jua.

Sumber : Md. Sharif FH, "Tanah Pesaka Adat di Negeri Sembilan Sepintas lalu", Warisan, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 1983, h.14-16.
Norazit Selat, "Konsep Tanah Dalam Masyarakat Melayu", dalam Malaysia Dari Segi Sejarah, Journal Persatuan Sejarah Malaysia, No.10, 1981, h.32-33.

APPENDIX II

Konsep Salah-Salahan Dalam Adat

1. Adat Merumah

'Merumah' ialah jalan keluar bagi lelaki yang menyukai seorang perempuan tetapi "pihak perempuan" tidak suka menerima lamarannya. Pihak lelaki naik ke rumah (atau dalam bilik) dan memegang tangan perempuan yang dihajati. Dia akan tetap tinggal dibilik atau membawa perempuan itu ke luar serambi. Saudara mara kepada perempuan itu akan tetap mahu perempuan itu diserahkan kembali dengan mengemukakan berbagai-bagai tuntutan. Jika si Lelaki sanggup memenuhi tuntutan-tuntutan yang diminta dan berjaya dalam usahanya tidak mahu memulangkan sigadis, barulah ia boleh dikahwinkan. Ibu si gadis itu mesti mengadakan upacara perkahwinan pada hari itu juga. Tetapi jika si lelaki itu kalah maka terpaksa ia membayar adat dan turun dari rumah gadis berkenaan.

2. Adat Menyerah

Si lelaki datang ke rumah perempuan yang diinginiya itu dengan beberapa orang (biasanya 5 atau 6 orang). Tetapi lelaki yang datang dengan rombongannya ini hanyalah sampai diserambi atau di ruang luar rumah perempuan itu dan tidak terus masuk ke bilik perempuan itu seperti mana yang berlaku dalam 'merumah'.

Sumber : Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Papatih, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1982, h.128.
Jamaluddin b. Abdullah, "Adat Menyerah", Mastika, Jan. 1958, h.16-18.

APPENDIX III

Hukum Tentang Perkahwinan

Dalam adat Perpatih kahwin sesuku merupakan kesalahan besar dan ini dinamakan 'sumbang'. Ada dua jenis sumbang. Pertama adalah sumbang sewaris iaitu berkahwin sesuku tetapi berlainan perut. Kedua ialah sumbang sekedim yang merupakan sebesar-besar kesalahan, iaitu berkahwin 'dalam perut' sendiri. Sumbangan sekedim ini dikenali juga sebagai 'sumbang balai melintang'.

Sumber : Lihat Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1982, h.125.

APPENDIX IV

Konsep Harta Dalam Adat.

Ada empat jenis harta:

1. Harta Pusaka [adat]

Harta pusaka ialah harta yang diwarisi oleh waris perempuan sesuatu suku mengikut jurai keturunan ibunya. Biasanya harta ini berbentuk tanah kampung, dusun, sawah dan rumah. Hak milik asal adalah dari nenek moyang mereka. Mengikut perbilangan adat:

Terbit pusaka kepada saka
Si lelaki yang menyandang pusaka
Si perempuan punya pusaka
Orang semenda yang membela.

2. Harta Pembawa

Harta pembawa ialah hak milik si lelaki yang dicari semasa bujang atau harta pemberian dari keluarganya sebelum ia mendirikan rumahtangga. Dikenali juga sebagai 'harta carian bujang'.

3. Harta Dapatan

Harta dapatan ialah harta yang sedia dimiliki oleh pihak perempuan sebelum ia mendirikan rumahtangga.

4. Harta Sepencarian

Harta sepencarian ialah harta yang dapat diusahakan bersama-sama keduanya (suami isteri) setelah mendirikan rumahtangga.

Sumber : Mohd Din bin Ali, "Malay Customary Law/Family", Intisari, Vol.11, Pt.2, h.36-37.
Lokman Yusof, "Islam and Adat - as seen in land inheritance", Intisari, Vol.1, No.4, MSRI, Singapore, 1963, h.17-18.

APPENDIX V

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 9 ENAKMEN TANAH LINGKUNGAN

Notis adalah dengan ini diberi bahawa
 dari menuntut bahawa ia berhak kepada
 bidang tanah, yang mana butir-butir hak
 milik adalah seperti berikut:

NO.	E.M.R	No. Lot	Mukim	Keluasan
.....				

dan telah memohon kepada saya untuk membuat perintah
 bahawa dia adalah berhak.

Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa bantahan
 terhadap perintah tersebut hendaklah membuat bantahan
 tersebut di Pejabat Tanah Kuala Pilah pada atau sebelum
 hb 19....

Tiada bantahan akan diterima selepas tarikh
 tersebut.

Pemungut Hasil Tanah,
 Kuala Pilah.

Sumber : Enakmen Pemegang Adat (Tanah Lingkungan) 1960,
 trans., Pengarah Tanah dan Galian, Negeri
 Sembilan.

APPENDIX VIATURAN DI ATAS TAKHTA RENCANA

- a. Pengantin Diraja berdua
- b. Datuk Kanda Maharaja memegang Pedang Sebarau Bujang
- c. Datuk Panglima Gajah memegang Payung Kuning
- d. Datuk Bentara Perempuan memegang kipas keemasan
- e. Datuk Mangku memegang Keris Panjang

ATURAN HADAPAN TAKHTA RENCANA

- a. Pasukan Rebana dan Pencak Silat
- b. Juak-juak dan Pegawai-pegawai memegang alat-alat
Kebesaran
- c. Datuk-datuk Penghulu Luak Tanah Mengandung
- d. Orang Empat Istana
- e. Datuk Bentara Dalam

ATURAN KIRI DAN KANAN TAKHTA RENCANA

- a. Datuk-datuk Pegawai Yang Enam memegang keris dan
pedang
- b. Datuk-datuk Apit Lempang
- c. Orang-orang Besar Lingkungan

ATURAN BELAKANG TAKHTA RENCANA

- a. Yang Amat Mulia Putera Yang Empat
- b. Anak-anak Raja Bergelar, Putera-putera dan Puteri-puteri Raja Negeri Sembilan
- c. Datuk Pegawai memegang Alat-alat Kebesaran
- d. Rakyat

Sumber : Buku Cenderamata Perkahwinan Diraja Negeri Sembilan 1969 antara Yang Amat Mulia Tunku Dara Naquiah puteri DYMM Yang di Pertuan Besar dan Yang Maha Mulia Tunku Ampuan dengan Yang Mulia Tunku Muzaffar putera Yang Mulia Tunku Kecil Mustapha ibni Tunku Besar Burhanuddin.

APPENDIX VII

LARANGAN DI RAJA KEPADA RAKYAT

1. RUMAH-RUMAH YANG DILARANG

- a. Papan Gendung Berdaun Budi - papan gendeng iaitu yang dibuat di antara atap bumbungan dengan atap serambi yang berukir-ukir awan larat; berdaun budi bermaksud satu jenis ukiran.
- b. Gajah Menyusu - Anjong rumah yang bertingkat.
- c. Naga-naga - Tunjak langit yang dua lapis di kiri dan kanan rumah, tabir layarnya dipasang condong ke dalam.
- d. Puyuh berlaga - Hujung serambi dan pangkal serambi bertingkat (tinggi dari lantai).
- e. Pintu Sepak - Tudung pintu yang dibuat dua lapis.
- f. Pintu di tengah-tengah rumah - biasanya rumah orang kebanyakan pintunya dibuat agak sebelah tepi sedikit.
- g. Serambi berkeliling - Rumah yang dibuat serambi keliling rumah.
- h. Panjang Serong atau Kambing berlaga, juga dipanggil bendul mancung - hujung bendul yang dikerat serong.
- i. Gajah Berjuang - Anjong rumah yang dibuat bertingkat dan bertentangan dengan dapur yang juga dibuat bertingkat.
- j. Lebah Mengirap - Dinding Serambi yang sebelah atas dibuat kisi-kisi.
- k. Selasar Kuah - Pepalas yang dibuat di hadapan rumah, dibuat pula tempat duduk yang bertingkat-tingkat dan digunakan sebagai tempat tarian inai masa perkahwinan.
- l. Tangga Gantung - Tangga yang dibuat dalam rumah untuk naik atas peran atau tingkat atas.

- m. Tangga Bertingkat - Tangga yang terletak di atas lantai rumah.
- n. Rumah Tangga - tangga yang dibuat rumah sebagai anjong.
- o. Mahligai - rumah yang besar menyerupai Istana.
- p. Gerai atau Geta Bertingkat - tempat tidur yang dibuat bertingkat-tingkat berhampiran dan rapat dengan katil.
- q. Dapur Bandung - rumah dapur yang dibuat dua buah bangunan bersambung.
- r. Rumah Melintang - rumah yang didirikan tidak mengadap ke sungai atau melintang alur air.
- s. Rumah bertingkat - rumah yang dibuat dua atau tiga tingkat atau lebih.
- t. Sawa Melampai - tabir layar yang berukir-ukir atau bertirai-tirai awan larat.
- u. Lengkiang (rumah Kepok) - rumah kepok yang dibuat silang gunting.
- v. Pintu Gerbang - pintu gerbang yang dibuat di pintu pagar.
- w. Gunung Bertingkat - tempat duduk Undang atau Penghulu yang dipanggil 'Raja di Muda' di buat dari tilam dan dibelakangnya pula ada dibuat rangka yang berupa pucuk rebung.

2. PAKAIAN

- a. Pakai Sebolong - Pakaian yang satu warna, misalnya warna hitam dari songkok atau destar hingga baju, seluar dan kain samping. Pakaian hitam ini hanya tertentu kepada Datuk-datuk yang berjawatan sahaja. Pakaian yang serba putih tertentu bagi alim ulama yang dilantik oleh raja untuk memegang satu-satu jawatan seperti Kadhi, Imam dan seumpamanya.
- b. Pakaian Kuning - Kuning di sini adalah kuning kunyit yang dikhaskan bagi anak-anak Raja sahaja.

- c. Bulang Luar - Bersamping baju ke dalam, disisipkan tumbuk lada atau badik di pinggang.
- d. Tanam Tebu - Memakai keris atau tumbuk lada di hadapan perut (lurus pusat). Sekiranya ada yang memakainya begini beerti memanggil jantan orang (meminta lawan).
- e. Menyelampai - Memakai kain sarong atau samping yang diselampaikan kebahu atau diselendangkan.
- f. Memakai Keris Berpedongkok - Hulu keris atau tumbuk lada atau diujung sarungnya bertatah dengan emas atau perak.
- g. Tikar Belangkat - Tikar yang dibuat berlapis-lapis dan bertatah dengan emas atau perak di sudutnya (tikar belangkat ini ada yang tiga, lima dan tujuh lapis).
- h. Destar Bertatah - Destar yang bertampuk-tampuk emas atau perak.
- i. Destar Berkaki (Destar Bendahara Pulang Mandi) - Destar yang hujung kainnya diselitkan ke bawah.
- j. Destar Selok Timba - Destar yang hujungnya (pucuknya) keluar ke atas empat pucuk.
- k. Chaping perak - Alat penutup kemaluan.
- l. Terapang bertutup ulu - Di pangkal ulu keris atau tumbuk lada bertutup emas atau perak; begitu juga di sarungnya, ini dipanggil terapang.
- m. Larangan memasuki kota Istana - dilarang memasuki Istana dengan menyandang kain, mengembang payung, tidak bersamping, tidak berdestar atau bersongkok dan menaiki kenderaan.

3. LARANGAN-LARANGAN LAIN

- a. Kerbau jantan baduk - Kerbau yang tanduknya bengkok ke bawah lepas dari telinga.

- b. Kerbau jantan sampaian kain - Kerbau yang tanduknya lurus kiri kanan atau salah satu darinya.
- c. Kerbau jantan sinar matahari - Kerbau jantan yang tanduknya mengadap ke hadapan dan kepala atau tanduknya berwarna merah.
- d. Kerbau bungkak ganteh - Kerbau yang hujung tanduknya menyerupai seperti buah.
- e. Kerbau Changgai Puteri - Kerbau yang kukunya lentik.
- f. Kerbau buluh seruas - Kerbau yang kukunya tidak pecah.
- g. Kerbau Sopak muncung - Kerbau yang putih warna muncungnya.
- h. Kerbau Bintang - Kerbau yang bertompok-tompok putih di badannya seolah-olah menyerupai bintang.
- i. Kerbau Bara Api - Kerbau yang merah kulitnya seperti kain kesumba.
- j. Kerbau Kumbang Berteduh - Kerbau yang besar di bawah pangkal ekornya. Kerbau ini juga dipanggil kerbau 'Sumbat Labu'.
- k. Kerbau Pangkah Kening - Kerbau yang ada warna putih melintang di keningnya.
- l. Kerbau Berpunca Ekor - Kerbau yang ada warna putih di hujung ekornya dan ekornya panjang sejangkal.
- m. Kerbau Tepok Lalat - Kerbau yang kembang bulu di hujung ekornya.
- n. Kerbau-kerbau yang menyalahi adat Kerbau - iaitu kerbau-kerbau yang luar biasa.

Semua kerbau-kerbau yang sifatnya seperti yang tersebut di atas jika ada dimiliki oleh rakyat hendaklah diserahkan kepada Raja. Adalah menjadi tanggungjawab Buapak dan Datuk-datuk Lembaga mengawasi anak-anak buahnya yang ada memiliki kerbau-kerbau tersebut supaya dipersembahkan kepada pengetahuan Yamtuan.

Sumber : Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, N.S. Malay Co-op, Seremban, 1961, h.126-127 dan 129-133.

R.J. Wilkinson, "Seri Menanti", PMS, FMS, Kuala Lumpur, 1914, h.46-48.

APPENDIX VIII

ISTIADAT MERENJIS AIR SELAMAT


Dimulakan oleh;

1. Duli-duli Yang Maha Mulia Yang Di-pertuan Besar dan Tunku Ampuan Negeri Sembilan.
2. Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Di Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
3. Yang Maha Mulia Tunku Puan Besar Tunku Kurshiah.
4. Yang Maha Mulia Tengku Puan Durah.
5. Yang Amat Mulia Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin.
6. Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Tanah Melayu dan Brunei atau Wakil-wakilnya.

Dan dituruti oleh Anak-anak Raja dan Datuk-datuk yang telah diatur oleh Orang Empat Istana dan Istiadat ini diakhiri oleh mereka sendiri.

Sumber : Dipadankan dari Buku Cenderamata Perkahwinan Diraja Negeri Sembilan 1969 antara Yang Amat Mulia Tunku Dara Naquiah puteri DYMM Yang di Pertuan Besar dan Yang Maha Mulia Tunku Ampuan dengan Yang Maha Mulia Tunku Muzaffar Putera yang Mulia Tunku Kecil Besar Mustapha ibni Tunku Besar Burhanuddin.


Peta I



Peta Negeri Sembilan

Sumber: Jabatan Ukur Seremban,
Negeri Sembilan.


Peta 2




Peta Mukim Sri Menanti

Sumber: Jabatan Ukur Seremban,
Negeri Sembilan.

PETA 3 LUAK TANAH MENGANDUNG
(ULU MUAR, JEMPOL, TERACHI DAN GUNUNG PASIR)



SUMBER: MB. HOOKER, ADAT LAWS IN MODERN
MALAYA, KUALA LUMPUR OXFORD UNIVERSITY
PRESS 1972, h, 124



Gambar 2 : Orang Empat Istana, diambil pada 1980
 Dari Kiri : Datu Seri Amar Diraja Sulud, Datuk Akhir Zaman Abdul Rahman,
 Datuk Raja Dewangsa Yusus dan Datuk Penghulu Dagang Adam.
 Sumber : Arkib Negara, Kuala Lumpur.